# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 25 BILANGAN 31 | RABU 30HB JULAI, 1980. | 1400 رابو 17 رمضان | PERCHUMA


# PERUBAHAN KA-ATAS GAJI DAN BAYARAN ALAON KAKITANGAN KERAJAAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dengan titah perkenan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, seluroh pegawai2 dan kakitangan Kerajaan sahingga yang berkhidmat sa-chara bergaji hari akan menerima perubahan gaji mulai 1hb Januari, 1980.

Perubahan ini ada-lah melibatkan kapada pegawai2 dan kakitangan Kerajaan keselurohan-nya termasok yang bergaji hari, yang gaji sa-bulan kasebulan, yang berada di-dalam "open vote", pegawai2 yang berpenchen, pegawai2 tetap, pegawai2 berkontrek dan anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja dan Pasokan Pulis Diraja Brunei.

Kenaikan dan perubahan2 gaji bagi pegawai2 dan kakitangan Kerajaan yang terakhir ia-lah pada tahun 1977.

Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail ketika mengumomkan perubahan2 dan kenaikan2 gaji melalui Radio dan TV semalam bersabda, perubahan2 ini tidak saja terhadap gaji pokok tetapi juga meliputi alaon2 tertentu termasok bayaran2 penchen bulanan bagi pegawai2 dan kakitangan Kerajaan yang bersara, penchen tua, alaon pelajaran, pengorniaan tambang bagi chuti2 tahunan dan tempatan dan alaon2 kebajikan termasok orang2 chachat dan pengidap2 penyakit yang biasa-nya menerima alaon2 bulanan.

Di-samping itu, buat pertama kali-nya, satu pengorniaan bonus tahunan kapada pegawai2 Bahagian Dua kabawah termasok yang bergaji hari telah juga di-perkenankan oleh Baginda.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersabda bahawa dalam pembayaran bonus ini, pegawai2 Bahagian Dua akan menerima sa-bulan gaji, sementara pegawai2 dalam Bahagian Tiga ka-bawah dan yang bergaji hari akan menerima bayaran dalam kadar 1½ bulan gaji. Bayaran bonus tersebut akan di-lakukan pada tiap2 perkhidmatan 12 bulan ia-itu di-bayar pada penghujong tahun. Pembayaran bonus ini tidak di-berikan kapada pegawai2 Bahagian I ka-atas.

Yang Amat Berhormat itu bersabda, perubahan2 gaji dan alaon ini ada-lah di-niatkan untok membantu seluroh pegawai2 dan kakitangan Kerajaan Baginda dalam beban menghadapi kenaikan harga barang2 dalam suasana inflasi yang sedang di-alami sekarang ini.

"Sa-lain daripada itu, perubahan2 ini ada-lah juga membayangkan tanggong-jawab2 sa-suatu jawatan yang di-fikirkan munasabah untok di-saimbangkan dengan keadaan2 yang terdapat sekarang", sabda Yang Amat Berhormat itu.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar selanjut-nya menegaskan pemikiran juga di-tumpukan terhadap keperluan untok mendapatkan kakitangan kepakaran yang tertentu yang sukar di-dapatkan daripada sumber2 yang ada sekarang.

Ini ada-lah semata2 untok kepentingan Negeri Brunei dan isi di-dalam-nya supaya usaha2 Kerajaan Baginda untok membawakan perkara2 yang berkebajikan, khusus-nya pada melichinkan perjalanan ranchangan2 kemajuan akan terus menerus berjalan dengan baik-nya dan menchapai apa2 jua hasrat yang berkebajikan sa-bagaimana yang di-niatkan itu.

KORNIA BONUS

Mengenai dengan kornia bonus tahunan bagi pegawai2 dalam Bahagian II dan III kabawah termasok kakitangan 'Open vote' yang bergaji hari dan seumpama-nya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar itu bersabda: "Ini ada-lah sa-bagai kornia tambahan kapada kenaikan peratus dalam tangga-gaji mereka yang berkenaan yang mana bayaran bonus tahun-

Lihat muka 20



YAM Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin ketika di-alu2kan oleh Pengawal RTB, Dato James Millar sa-tiba Yang Amat Mulia itu ka-Bangunan RTB untok menyabdakan pengumoman kenaikan gaji melalui Radio dan TV malam semalam.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah memerhatikan chenderamata yang di-sembahkan kapada Yang Teramat Mulia oleh Awg Peter Everett sa-bagai kenang2an upachara meletak batu asas bangunan ibupejabat Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

## Manis-nya Iman

MUHAMMAD bin Zaid mencheritakan bahawa beberapa orang telah mengatakan kapada dato'-nya ia-itu Abdullah bin 'Umar (r.a.): "Sesunggoh-nya kami mengadap pembesar2 kami lalu mengatakan kapada mereka itu lain dari apa yang kami katakan apabila telah beredar dari sisi mereka." Maka Abdullah bin 'Umar (r.a.) memberitahu orang2 itu: "Pada masa hayat Rasulullah (s.a.w.) perkara ini ada-lah kami kira perbuatan bermuka2 (munafik)." — Riwayat Al-Bokhari.

## AMIL ZAKAT

AMIL bagi mengutip zakat tahun ini bagi Kampong Pengiran Tajuddin Hitam, Kampong Ayer ia-lah Pg Zainal bin Pg Mat Yassin, kaki-tangan Jabatan Hal Ehwal Ugama. Nama beliau telah tertinggal dalam senarai nama2 amil yang di-siarkan minggu lalu.

# UPACHARA MELETAK BATU ASAS IBUPEJABAT SHELL

Oleh:
SHADOON LAMZI

SERIA.—Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad akan mempunyai sa-buah ibupejabat-nya yang baru. Bangunan yang menelan be'anja sa-banyak $30 juta itu di-bena berhampiran dengan ibupejabat-nya yang ada sekarang.

Sa-bagai memulakan pembenaan ibupejabat yang baru itu, satu upachara meletakkan batu asas telah di-laksanakan oleh Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah yang berlangsong pada minggu lalu.

Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Awang Peter Everett dalam uchapan alu2-an-nya di-upachara itu menjelaskan bahawa oleh kerana perkembangan sharikat itu kian bertambah dari sa-tahun ka-setahun, maka keadaan memerlukan sharikat tersebut membena sa-buah ibupejabat yang baru.

"Jika di-fikirkan, ada-lah agak terlalu lewat bagi sharikat tersebut untok melancharkan projek serupa itu, tetapi ketetapan yang di-ambil jelas menggambarkan keyakinan pehak Shell di-dalam masa depan industri minyak dan gas asli di-negeri ini dan komplek pejabat ini sudah tentu di-perlukan sa-hingga berakhir-nya abad ini," jelas Awang Everett.

Menurut Awang Everett, ibupejabat baru itu apabila siap nanti akan boleh menampong 550 orang pegawai dan kakitangan dan ia-nya kelak merupakan sa-buah bangunan yang termoden di-Tenggara Asia. Bangunan itu nanti akan di-lengkapi dengan sistem perhubongan yang paling baik dengan ada-nya Pusat Satelit Bumi di-Telisai.

Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad itu dalam uchapan-nya juga telah menguchapkan terima kaseh atas penghormatan Kerabat Diraja kapada sharikat tersebut.

"Sejak beberapa tahun yang lalu, kerabat Tuan Peramba telah pun memberikan penghormatan kapada kedua2 Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan Sharikat Gas Asli Chechair Brunei di-majlis2 yang serupa ini."

"Kilang penapis di-Seria telah di-rasmikan pembukaan-nya oleh Paduka Ayahanda Tuan Peramba, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan siapa yang telah juga memulakan perasmian pengaliran minyak tanah yang pertama melalui saloran 'paip' dari laut ka-daratan.

Lihat muka 20

# Sembah menjunjong kaseh atas kornia Baginda

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail, bagi pehak seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan dengan hati yang puteh, hening lagi jernih, dan dengan penoh hormat dan ta'zim menjunjong kaseh yang sa-tinggi2-nya atas kornia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan terhadap perubahan2 gaji dan sharat2 perkhidmatan yang telah Baginda perkenankan itu.

Yang Amat Berhormat itu ketika mengumomkan perubahan2 gaji tersebut, ber-

Lihat muka 20

Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

30HB JULAI, 1980

بسم الله الرحمن الرحيم

## IMEJ BRUNEI DI-BIDANG PEMBACHAAN AL-KOR'AN

SAPERTI biasa dan mungkin telah menjadi ke-laziman sa-bilangan besar masharakat kita di-Brunei ini yang senantiasa dengan kerendahan hati, maka wakil2 kita ka-musabaqah membacha Al-Kor'an perengkat antara bangsa di-Kuala Lumpur bila di-wawanchara oleh wakil kita nampak-nya lebeh banyak memulangkan kapada keadaan apabila di-tanya apa-kah cherah bagi Brunei untok mendapatkan kejayaan yang lebeh baik dalam pertandingan itu nanti. Se-balek-nya, wakil2 Brunei itu, terutama-nya ketua rom-bongan kali ini dengan bersahaja menegaskan bahawa memang-lah menjadi hajat sa-tiap orang yang ber-lawan untok menchapai kejayaan yang lebeh besar dalam satu2 pertandingan. Tetapi bagi kita maseh tetap dengan dasar kita untok melibatkan diri dalam satu2 kegiatan yang berkebajikan demi untok imej negara kita, sementara soal menang dan kalah itu mengambil tempat yang kedua. Akan tetapi akan lebeh baik lagi bagi kita dan negara kita jika kita dapat menchipta kejayaan saperti yang di-sandang oleh wakil kita di-tahun 1977, Awang Haji Mashud bin Haji Damit yang berjaya menjadi johan qari an-tara bangsa dalam pertandingan yang sama.

Demikian-lah keadaan yang lazim-nya berlaku bagi diri kita sa-jauh ini dalam sa-tiap perlawanan atau pertandingan yang negara kita turut memasoki-nya, baik dalam bidang sokan dan olah-raga, ke-budayaan dan apa lagi dalam pertandingan mem-bacha Kitab Suchi Al-Kor'an yang antara kandongan ajaran-nya ia-lah menegah bagi kita umat Islam dari bermegah2, sombong, bongkak, membesar2kan diri dan serba perkara dan perlakuan yang keterlaluan. Tegas-nya, kita di-ajarkan dengan segala sifat kese-darhanaan dan sa-sunggoh-nya sa-tiap kejayaan itu ada-lah atas rahmat Allah yang kemudian-nya pula kita di-suroh menggunakan rahmat yang di-korniakan kapada kita itu untok terus menjadikan-nya sa-bagai sandaran2 bagi melaksanakan perkara2 yang berke-bajikan yang di-tuntut bagi kita melakukan-nya.

Maka merapatkan hubongan antara sa-sama Islam melalui satu proses penyelenggaraan yang di-yakini akan dapat menghasilkan buah yang ranum ada-lah satu kerja yang paling bermunafa'at. Dan pertandingan membacha Kitab Suchi Al-Kor'an pe-rengkat antara bangsa itu bukan saja dapat meninggi-kan mutu pembachaan Al-Kor'an dan usaha2 yang lain sa-bagai ekoran daripada-nya, bahkan ia mem-berikan peluang yang lebeh besar untok umat Islam menyedari hakikat Islam dan menyedari fungsi sa-bagi orang2 Islam yang antara-nya di-tegah dari berpechah-belah.

Negara kita ada-lah antara negara yang tidak kendor2 dari menghantar perwakilan kita ka-pertan-dingan itu. Penglibatan kita itu dapat-lah di-anggap sa-bagai satu pertolakan yang tidak kurang penting-nya dalam kita mempelajari pembachaan2 Kitab Suchi Al-Kor'an dengan chara yang lebeh baik. Di-samping itu, kita menyimpan satu harapan yang murni ia-itu untok meninggikan imej negara kita yang sudah lama bertapak ajaran2 Islam di-dalam-nya supaya dapat di-ketahui oleh negara2 yang lain betapa Islam itu terus bertapak kukoh di-Brunei.

Sa-jauh ini, dapat di-katakan bahawa kita telah dapat menchapai tahap yang sunggoh baik dalam meninggikan imej negara kita di-bidang pembachaan Al-Kor'an. Kita menyambut baik undangan2 tahun demi tahun ka-pertandingan antara bangsa itu dan dalam tempoh waktu itu juga kita telah menchapai tiga kejayaan ia-itu dua kali melalui qari Awang Haji Mashud — tempat ketiga dalam tahun 1973 dan johan qari dalam tahun 1977, sementara qariah kita Dayang Hajjah Siti Ara pernah mendudoki tempat ketiga di-tahun 1978. Pada tahun 1978, qari harapan kita, Awang Haji Md Yusof mendapat tempat ke-lima dan tahun ini beliau dan qariah Dayang Hajjah Masni sekali lagi terpileh mewakili negara kita ka-pertandingan tersebut. Semoga kedua2-nya akan mendapat kejayaan.

## PADA HEMAT SAYA....

# SAPERTI MENDAKI

SUDAH lebeh sa-tengah bulan ki-ta berpuasa.

Apa rasa-nya ?

Nyaman — sa-ma-kin nyaman bukan ?

Dan mungkin juga tepat saperti yang di-ibaratkan : berpuasa itu saperti mendaki punchak. Dari hari pertama lagi — sa-hari luput sa-hari kita ber-keadaan **harap2 che-mas** takut terkandas di-tengah jalanan. Hatta orang perem-puan pun — yang na-ture-nya memang me-mungkinkan-nya ter-sendat kerana 'uzur — berharap tidak sampai terkandas apabila ter-sendat sa-ketika.

Kira-nya dalam ber-keadaan **harap2 che-mas** itu-lah kita sa-perti mendaki ka-pun-chak : nun di-bawah terdapat lurah-suak yang mengerikan se-dang nun di-atas ke-lihatan punchak de-ngan lereng2-nya yang menchemaskan.

Begitu pun kita tahu apa erti-nya ngeri keti-ka menundok lurah-suak, dan apa erti-nya chemas ketika men-dongak lereng pun-chak. Kita tahu itu semua-nya chabaran. Dan sa-bagai orang yang di-chabar kita tahu nekmat-nya apa-bila dapat menempoh-nya dengan selamat.

Kita dapat menjang-kakan nekmat-nya chabaran itu sebab ki-ta sedang mendaki !

* * *

BUKAN-LAH chuma sebutan2 betapa orang berpuasa yang saperti mendaki itu patut dan dapat menjangkakan nekmat gembira-nya apabila selamat ka-punchak puasa-nya.

Nabi kita pernah mem-beritahu : *"Bagi orang yang berpuasa itu ada dua nek-mat yang menggembirakan-nya : ketika berbuka dia gembira, dan ketika mene-mui Tuhan-nya dia juga gembira dengan puasa-nya."*

Nekmat yang pertama itu ia-lah kelazatan rasa apabila tekak yang haus di-basahi ayer menghilang dahaga, apabila perut yang kosong di-alas makanan menghilang lapar sa-telah sa-harian bersabar. Ten-tu-lah itu menggembira-kan. Dan shukor-lah !

Lebeh shukor lagi apa-bila mengenangkan betapa ibadat puasa dapat di-sempurnakan : tidak saja dengan berhaus-berlapar bahkan juga dengan ber-buat ta'at menghindar diri daripada perbuatan2 dosa.

Maalum saja-lah. Di-hari2 biasa bukan tidak pula ada yang terbiasa ber-haus-berlapar dan sa-ren-tak dengan itu pula maseh juga mampu berlidah lan-chang, bermulut chelopah, bermata nakal dan **berhati patang !**

Tentu-lah lain ketika dalam berpuasa yang sa-perti mendaki ka-punchak di-mana hati perasaan ber-keadaan **harap2 chemas** untok tidak terkandas di-jalanan . . . .

* * *

HARAP2 **chemas** orang berpuasa bukan-lah saperti pengalaman ngeri orang yang sedang terancham.

Lain dan tentu sekali lain hal kedua-nya itu.

Orang yang berpuasa bukan-lah terancham apa-apa-nya, tidak maruah-nya apa lagi jiwa raga-nya. Sa-balek-nya puasa itu menjadi benteng yang melindongi-nya dan melin-dongi segala apa-apa-nya.

Tinggal lagi pandai2-nya-lah melindongkan diri di-balek benteng itu. Se-bab bukan tidak ada orang yang berlindong sa-kadar chuma **batapok** !

Perkataan **batapok** (da-lam loghat orang kita) ra-sa-nya lebeh tepat di-sini dari chuma perkataan **ber-sembunyi.** Sebab puasa yang menjadi benteng itu sa-benar-nya lebeh dari sa-kadar melindongi bahkan juga menghendaki orang yang berlindong di-balek-nya bersikap positif.

Nabi kita tidak sa-kadar memberitahu **puasa itu perisai** tapi sa-rentak de-ngan itu Baginda juga men-jelaskan apa yang sa-patut-nya di-buat oleh orang yang berperisaikan puasa itu : *"Hendak-lah dia ti-dak berbuat kotor yang menchemari kemuliaan bu-lan Ramadhan (atau da-lam maana yang di-mak-sudkan : jangan berjima' — dan termasok-lah sekali jangan melakukan sa-ba-rang intro-nya !); dan hen-dak-lah dia tidak melaku-kan perbuatan sia-sia."* Ke-mudian di-ajarkan sa-lan-jut-nya : *"Kira-nya ada orang menchabar-nya atau memaki-nya hendak-lah dia menguchapkan : aku berpuasa, aku berpuasa !"* — samada uchapan-nya itu di-dengarkan kapada orang yang menchabar atau me-maki-nya itu untok meng-gerunkan-nya atau sa-ka-dar untok di-dengar-nya sendiri untok mengingat-kan diri-nya dari membalas maki hamun itu.

Dari situ maka lihat-lah betapa puasa yang ibarat benteng atau juga perisai itu bukan sa-kadar chuma tempat **batapok.**

Dan betapa pula kalau chuma untok **batapok** di-balek benteng atau perisai itu akan mudah saja ber-tukar menjadi **batapok-tapok** dalam maana **ber-sembunyi2.**

Bukan-kah dalam bulan Puasa ini perkataan **ber-sembunyi2** itu memberi im-basan maana yang lain ?

IMBASAN maana lain perkataan **batapok-tapok** atau **bersembunyi2** itu kira-nya dapat di-jelaskan de-ngan kejadian yang di-cheritakan oleh sa-orang baru2 ini.

Kata-nya, dia di-suroh oleh sa-orang di-tempat kerja-nya membeli barang2 **kataisan liur.** Tentu-lah dia berfaham orang yang menyuroh-nya itu sedang berpuasa dan barang2 di-minta-nya itu untok pa-**sungkaian**-nya nanti. Tapi sa-kejapan itu juga dia ter-fikir, dan mata-nya ter-kelip2 ka-setiap ruang di-bilek orang itu sedang hi-dong-nya kembang kin-chup menghidu bau sa-suatu.

Bau yang di-hidu-nya itu bukan-lah pula bau buah tarap atau durian yang sudah kelihatan di-jual berdikit2 sekarang.

Sa-balek-nya ia-lah bau asap sigup!

Lantas dia tersenyum me-mandang muka orang yang menyuroh-nya.

"Mengapa kau senyum?" tanya orang yang menyu-roh.

"Ani bah, bau asap si-gup siapa kan?" jawab-nya berterang2.

"Atu tah sebab-nya kau ku suroh. Kalau kadia-ku sendiri membali2 tantu tah kabauan orang di-Tamu atu. Bau sigupku ani malakat bukan saja di-mulut tapi sampai ka-baju . . ." balas-nya jujor mengatakan dia tidak ber-puasa. "Tapi . . . ." sam-bil ketawa dia menyam-bong : "Aku ani sudah di-kira menjalankan kewaji-ban di-bulan Puasa jua dengan batapok-tapok mi-ani."

Orang yang di-suroh tu-rut ketawa. Kemudian ketika mencheritakan keja-dian itu dia menanyakan hemat saya : **"Banar kan chara miatu atu?"** — *Ketua Pegawai Penerangan.*

***"kita dapat menjangkakan nekmat-nya chabaran itu sebab kita sedang mendaki"***

# SPECIAL COINS TO BE ISSUED TOMORROW

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Brunei Currency Board will issue 3 special Brunei coins commemorating the Islamic year of Hijrah 1400 tomorrow.

The Chairman of the Board, Pehin Dato Laila Utama John Lee, in a statement says that the metal, denominations and selling prices of these coins are that the proof gold with a face value of $750 will be sold at $1,000 per coin, and the mintage is 1,000 coins; the proof silver with a face value of $50 will be sold at $110 per coin, and the mintage will be 3,000 coins; and the uncirculated cupro-nickle with a face value of $5 will be sold at $5 per coin, and the mintage will be 10,000 coins.

He adds that although the coins will be legal tender in Brunei, they will not be put into general circulation, being intended for collectors.

They have been minted in London by the Royal Mint. Each coin of the gold and silver denominations is in a presentation box which also contains a numbered certificate of issue. Each cupro-nickel coin is in a plastic envelope.

The public are reminded that the gold and silver coins can only be obtained from the office of the Board, Ground Floor, State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan from Mondays to Thursdays and on Saturdays from 8.30 am to 12 noon and from 1.30 pm to 3.30 pm.

While the cupro-nickel coins are available from the same office and from any post office in Brunei.



YTM Paduka Seri Duli Pg Perdana Wazir is seen here laying the foundation stone of the Brunei Shell's new head office.

## Perdana Wazir lays foundation stone

SERIA. — The Brunei Shell Company will own its new head office by the end of June next year.

YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir laid the foundation stone of the complex here on July 22.

Mr Peter Everett, the Managing Director of the company, said in his welcoming speech that the new building will be one of the most prestigious office edifices not only in Brunei, but also in South East Asia.

The new head office which is under construction, costs about thirty million dollars and will be equipped with modern facilities.

## Justice Zimmern sworn in

JALAN TUTONG. — Mr Justice Archibal Zimmern was sworn in on July 21 afternoon as the Commissioner of the Brunei Supreme Court for a three-year term.

The swearing-in ceremony was held at the Istana Darulhana here in the presence of His Highness the Sultan and Yang Dipertuan.

Other VIPs and dignitaries attending the ceremony included YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong, the General Advisor to His Highness, the Menteri Besar, the State Secretary, and senior officials of the Legal Department.

After the ceremony, Mr Justice Zimmern immediately started to hear the cases at the court-house.

He arrived in Brunei from Hongkong on July 20, and was accompanied by his wife.

They were greeted at the airport by the Attorney-General, the Chief Registrar of the Supreme Court and other magistrates.

The high court session lasts for 2 weeks.

## *More donations for charity*

TUTONG.—All the orphans in Brunei will spend their Hari Raya festival this year with new clothes, delicious meals, plentiful goodies and many toys.

This is because more generous persons and bodies are donating a great deal of money to them through the Orphans Funds in all the districts.

In Tutong District, Awang Radin Mas Basuani bin Pehin Udani Laila Inche Awg and Awang Hj Mohd Halim bin Hj Ahai donated $1,000 each.

Awang Hj Idris bin Hj Mohd Said and Awg Sulaiman bin Hj Ahai donated $300 each.

The teachers and students of the Sufri Bolkiah English School also donated $300.

All these monies were received by the Tutong District Officer, who is also the Chairman of the district's Orphans Fund, on Wednesday.

Meanwhile, in the Belait and Brunei-Muara Districts last week, more donations were also received.

The Boys and Girls' Brigade and the Social and Religious Welfare Body of the Education Department in the capital donated $500 and $200 respectively to the Chairman of the Orphans Fund, YAM Pg Indera Mahkota Pg Kamaluddin Al-Haj.

And the Oilfield Workers Union made a donation of $200 to the Belait District's Orphans Fund in the District Office.

The Brunei-Muara District Orphans Fund last Thursday received another donation of $500 from the Brunei Lions' Club.

The cheque was handed over to the Chairman of the Fund, YAM Pg Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj, by the President of the Club, Mr Simon Wee at the Chairman's office in Bandar Seri Begawan.

The photo shows that Mr Wee hands over the cheque to the Chairman.



## Hari Raya greeting cards

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Hari Raya Puasa is around the corner and those who wish to send greeting cards and parcels to their friends and relatives overseas are reminded that the last date for posting cards and parcels within Brunei will be August 6.

And those destined for neighbouring countries, such as Singapore, West Malaysia, Sabah and Sarawak, should be posted before August 4.

The last date for posting the Hari Raya parcels by airmail to these countries is fixed on August 4.

The postage for cards not exceeding 28 grammes is 10 cents for the local destinations, while for Singapore and Malaysia, 20 cents.

## International Quran Reading Contests

BANDAR SERI BEGAWAN. — Two Quran readers left here for Kuala Lumpur yesterday to represent Brunei in the International Quran Reading Championships to be held at the National Stadium there tomorrow.

They are Awg Hj Mohd Yusof bin Abu Bakar and Dy Hajjah Masni bte Hj Abd Manaf, both are the champions of the final Quran Reading Championships held here last month.

For Awg Hj Mohd Yusof, this is the second time for him to participate in the international level contests, and for Dy Hajjah Masni, the fourth time.

They were accompanied by 4 officials and headed by a senior religious officer, Awg Hj Abd Rahman bin Khatib Abdullah.

Also going as an observer was the Head of the Religious Affairs, the Hon'ble Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awg Hj Mohd Zain.

The competitions will be held for 3 days and will be officially opened by the DYMM Seri Paduka Yang Dipertuan Agong.

## Shell charters fire protection boat

SERIA. — The Brunei Shell Petroleum Company is using a sophisticated diving support and rescue and fire protection boat in the offshore oilfields.

The boat, the biggest in the region, was employed on Friday, to increase further the company's safety precautions for its employees and facilities.

Known as the Pacific Protector, the vessel is chartered from the Swire Pacific Offshore for 3 years.

Built in Norway, it is capable of fighting fire by jets of water from its 4 water-nozzles apart from the 2 foam-nozzles.

It is able to carry 250 people and provide accommodation for a crew of 50.

Several Shell's officials watched its fighting capabilities on Friday off here to mark its starting of service.

The vessel pereviously operated in the North Sea.

## Take extra precautions against burglary

BANDAR SERI BEGAWAN. — Because of the increasing cases of house-breakings, the police have advised the public to exercise extra precautions against theft.

As the festive Hari Raya occasion is drawing near, members of public who are leaving their houses for a long period are advised to inform their neighbour or near-by police stations or leave the light on in their houses.

And they should not leave they valuables and cash in their houses while they are away.

Anything which can be used to get into the apartment, such as ladders, should not be left around.

The public are also asked to report to the police and suspicious persons loitering about outside the compounds of their houses.

## 2 firms donate TV sets

BANDAR SERI BEGAWAN. — The children in the hospital here and in Kuala Belait can now enjoy the television programmes, thanks to 2 firms which donated TV sets to these hospitals.

Each hospital was presented with a set on Thursday. The sets were handed over to the sister-in-charge of Ward 4 of the General Hospital by the Manager of Auto Electric, Mr Robert Low and the Manager of the Borneo Company (Brunei), Mr Sharif Ho.

Earlier, the RTB's Educational Television Section had appealed to the firms in Brunei to donate TV sets to the hospital, so that the sick children could watch the programmes during the festive season.

The presentation ceremony was witnessed by the Controller of RTB, Dato James Miller, the Director of Medical and Health Services, Pehin Dato Dr Franks and his Deputy, Dato Dr Hj Johar.

## Perubahan2 gaji dan alaon:

# UTK MEMBANTU K-TANGAN K'JAAN MENGHADAPI BEBAN "INFLASI"



MENTERI Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin.

**BERIKUT ia-lah pengumoman sa-penoh mengenai perubahan2 dan kenaikan2 gaji yang di-sabdakan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pg Haji Ismail melalui Radio dan TV semalam.**

ALHAMDULILLAH, pada menjunjong titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah saya dengan sukachita memaklumkan bahawa satu perubahan gaji telah di-korniakan bagi seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda termasok-lah kakitangan2 yang bergaji hari, yang bergaji dari sa-bulan ka-sebulan, yang berada di-dalam 'open-vote', pegawai2 yang berpenchen, pegawai2 tetap, pegawai2 berkontrek dan pegawai2 serta anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasokan Pulis Diraja Brunei. Perubahan2 ini, selain daripada gaji pokok, ada-lah juga meliputi alaon2 tertentu dan termasok-lah penchen bulanan bagi pegawai2 dan kakitangan2 Kerajaan Baginda yang telah bersara.

### BONUS TAHUNAN

Pada asas-nya perubahan2 gaji dan alaon ini ada-lah sa-mata2 di-niatkan untok membantu seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda dalam bebanan menghadapi kenaikan harga2 barang dan perkhidmatan yang kita sebut sa-bagai 'inflasi' yang sedang di-alami pada masa ini. Selain daripada itu perubahan2 ini ada-lah juga membayangkan tanggong-jawab2 sa-suatu jawatan yang di-fikirkan munasabah untok di-saimbangkan dengan keadaan2 yang terdapat sekarang. Selanjut-nya pemikiran juga di-tumpukan terhadap keperluan untok mendapatkan kakitangan kepakaran yang tertentu yang mana kepakaran2 saperti itu sukar untok di-dapatkan daripada sumber2 yang ada sekarang. Semua-nya ini ditimbulkan sa-mata2 untok kepentingan Negeri Brunei Darussalam dan isi2 di-dalam-nya supaya antara lain usaha2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untok membawakan perkara2 yang berkebajikan khusus-nya pada melichinkan perjalanan ranchangan2 kemajuan yang di-kendalikan oleh Kerajaan akan terus-menerus berjalan dengan baik dan menchapai apa2 jua hasrat-nya yang berkebajikan sa-bagaimana yang di-niatkan.

Antara perkara2 yang di-adakan melalui perubahan2 ini termasok-lah satu pengorniaan bonus bagi pegawai2 dalam Division II ka-bawah yakni termasok-lah kakitangan2 yang bergaji hari. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei akan mengorniakan bonus yang berupa gaji sa-bulan bagi tiap2 perkhidmatan sa-lama 12 bulan iaitu di-bayar pada penghujong tahun bagi pegawai2 dalam Division II dan bagi pegawai2 dan kakitangan2 dalam Division III ka-bawah akan di-bayar sajumlah 1½ bulan gaji.

Kornia bayaran bonus tahunan bagi pegawai2 dalam Division II dan Division III kabawah termasok kakitangan open vote, yang bergaji hari dan sa-umpama-nya ini ada-lah sa-bagai kornia tambahan kapada kenaikan peratus dalam tangga-gaji mereka2 yang berkenaan yang mana bayaran bonus tahunan ini tidak di-berikan kapada pegawai2 dalam Division I ka-atas.

### UNTOK YANG BERSARA

Sa-chuchok dengan hasrat untok meringankan bebanan pada menghadapi masaalah inflasi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah mengorniakan satu tambahan peratus yang berpatutan kapada pegawai2 Kerajaan Baginda yang sedang dalam persaraan dan demikian juga bagi mereka yang di-korniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala umor yang meningkat kapada 60 tahun ia-itu yang di-kenali sa-bagai 'penchen tua' di-naikkan daripada $37.50 kapada $50.00 sa-bulan.

Menyentoh tentang hal kehidupan2 raayat Baginda yang di-dalam kesulitan saperti orang2 chachat dan orang2 yang menghidapi penyakit saperti penyakit tibi dan mana2 jua keluarga yang mengharapkan bantuan melalui jabatan2 yang tertentu saperti Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah juga memasokkan kategori2 ini untok menerima kenaikan2 bantuan yang sederhana. Mudah2an dengan keringanan2 yang di-korniakan Baginda itu akan melonggarkan sa-banyak sedikit mereka yang berkenaan daripada kesempitan2 hidup yang mereka tempohi.

Oleh kerana masaalah2 utama mengenai inflasi ada-lah melibatkan seluroh perengkat maka menyedari akan keadaan yang di-hadapi oleh penuntut2 di-sekolah2, di-maktab2 dan pusat2 latehan, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga telah menimbangkan serta mengorniakan kenaikan2 tertentu bagi merека ini di-mana di-harapkan antara lain keringanan2 yang di-korniakan itu akan menjadi peransang kapada semua yang berkenaan untok menumpukan daya-usaha pada pelajaran2 mereka yang sedang di-hadapi dengan harapan hasil2 pengajian yang di-tuntut itu akan dapat di-chapai dengan chemerlang sa-bagaimana yang di-niatkan.

Selain daripada itu beberapa perubahan juga di-buat terhadap alaon2 yang tertentu saperti alaon pelajaran yang di-niatkan untok mengatasi dan meringankan bebanan ibubapa2 yang berhak untok menerima alaon pelajaran ini yang menghantar anak2 mereka belajar di-sekolah2 yang di-kenakan bayaran sama ada di-dalam mahu pun di-luar negeri. Hak2 untok mendapatkan alaon pelajaran ini termasok-lah juga sa-bagaimana yang lazim untok anggota2 Askar Melayu Diraja Brunei ia-itu menurut peratoran yang berjalan pada masa ini.

Menyedari terhadap keadaan tambang kapalterbang yang sudah naik beberapa kali pada masa2 yang kebelakangan ini sa-bagai akibat inflasi; tegas-nya yang bersangkut paut dengan kenaikan harga minyak di-luar negeri maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan juga telah memperkenankan satu perubahan bagi pembayaran tambang bagi chuti2 tahunan dan tempatan yang lebeh sesuai dan sa-chuchok dengan keadaan2 yang terdapat pada masa ini dan pada masa2 yang akan datang.

Perubahan2 gaji dan alaon2 ini ada-lah di-mulai dari 1 haribulan Januari 1980.

### NASEHAT

Saya ingin menasehatkan kapada seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan yang akan menerima bayaran2 kebelakangan dan seterus-nya menekmati hasil perubahan2 ini akan berwaspada pada membelanjakan wang2 yang ada dan yakni pada mengelakkan dari sebarang pembaziran terutama sekali dalam menempoh Hari Raya yang tidak lama lagi akan di-hadapi itu. Ada-lah di-nasehatkan, atas inisiatif masing2, supaya sa-bahagian daripada kewangan2 yang akan di-terima itu ada baik-nya di-jimatkan sa-bagai simpanan atau 'saving' dan yang lain-nya hendak-lah di-gunakan sa-mata2 untok perkara2 yang berkebajikan untok faedah2 masing2 dan keluarga yang berkenaan serta masharakat am-nya. Pembayaran2 hasil dari kenaikan2 ini, insha Allah, akan di-laksanakan dengan sa-berapa segera yang boleh yakni sa-jauh mana proses pembayaran itu dengan sa-chepat2-nya dapat di-laksanakan.

Saya hanya-lah menyebut beberapa perkara dalam perubahan2 yang telah di-korniakan Baginda, tetapi sa-chara penoh, insha Allah, akan di-keluarkan sa-bagaimana yang sudah2 surat2 keliling yang membabit tiap2 perkara yang di-fikirkan munasabah untok di-adakan perubahan2 itu. Tentu-lah segala perubahan ini pada keselurohan-nya akan membawakan lebeh banyak lagi kemudahan2 serta keistemewaan2 kapada seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan Baginda sama ada yang sedang berkhidmat atau pun sedang menekmati penchen.

Saya berharap dan berseru kapada seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan akan menerima perubahan2 ini dengan penoh keshukoran dan dengan azam serta niat yang seharus-nya di-praktikkan untok menumpukan lagi seluroh tenaga serta daya-usaha bulat2 kapada perkhidmatan Kerajaan Baginda, sa-bagai satu tanda keshukoran dan penghargaan serta menjunjong kaseh atas kornia Baginda itu.

### KAPADA PENIAGA2

Kapada pendudok2 awam istemewa ahli2 perniagaan dan lain2 yang berkaitan, saya ingin memohon dan berseru supaya perubahan2 dan kenaikan2 gaji yang telah Baginda korniakan ini tidak akan di-gunakan sa-bagai satu alasan pada menaikkan harga barang2 dan upah2 perkhidmatan. Saya sedia menyedari bagi ahli2 perniagaan dalam perengkat apa jua pun sangat2 memerlukan keuntongan sa-bagai upah bagi usaha2 mereka tetapi biar-lah dalam mendapatkan keuntongan itu bukan di-buat atas pengorbanan orang2 lain tegas-nya pegawai2 dan kakitangan2 Kerajaan yang di-korniakan kenaikan2 itu. Saya berharap ahli2 perniagaan akan sama2 menimbulkan perasaan bertanggong-jawab pada memberikan peluang supaya pegawai2 dan kakitangan2 Kerajaan yang telah Baginda korniakan perubahan dan kenaikan gaji yang tertentu itu akan dapat menekmati sa-penoh-nya. Dengan jalan ini tidak akan timbul perasaan2 yang menudoh ahli2 perniagaan sa-bagai pengambil kesempatan yakni sa-bagai "Opportunists" dalam keadaan2 ini kerana tudohan2 yang saperti itu boleh membawakan kapada perasaan yang lebeh rumit yang mana boleh menjejaskan keharmonian masharakat kita 'am-nya.

Barang setentu-nya pehak2 yang bertanggong-jawab pada menjalankan undang2 mengawal harga barang2 akan berusaha pada meneliti sebarang kenaikan harga barang2 dalam jangka waktu kenaikan ini di-laksanakan dan waktu2 yang akan datang dan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, insha' Allah, sekarang sedang meneliti chara2 yang lebeh berkesan untok menchegah dan menstabilkan harga barang2 di-negeri ini yang mana saya berharap usaha2 yang di-jalankan itu apabila di-laksanakan nanti akan mendapat sambutan yang baik dari seluroh masharakat yang berkenaan.

### MENJUNJONG KASEH

Bersempena dengan bulan yang baik yang penoh dengan ibadat ini, saya bagi pehak seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan dengan hati yang puteh, hening lagi jernih, dan dengan penoh hormat dan ta'zim menjunjong kaseh yang setinggi2-nya atas kornia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei terhadap perubahan2 gaji dan sharat2 perkhidmatan yang telah Baginda perkenankan itu. Mari-lah kita sama2 berdo'a dalam bulan yang penoh di-berikan sefa'at ini mudah2an Allah Subhanahu Wata'-ala akan sentiasa mengorniakan keadaan sehat wal'afiat serta lanjutkan usia zaman sentiasa dalam keimanan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, kekal-karal memerentah di-atas Takhta Singgahsana Kerajaan Negeri Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Putera dan Puteri2 Baginda, Paduka Ayahanda Baginda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda 'Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, Adinda2 Baginda dan Ahli2 Kerabat Diraja.

Wabillahi taufek wal-hidayah, wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarkatoh.

# Jadikan bayaran kebelakangan sa-bagai "SAVING"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menasehatkan pegawai2 dan kakitangan Kerajaan yang akan menerima bayaran kebelakangan berikutan dengan kenaikan gaji yang di-umomkan-nya itu supaya dapat menjimatkan-nya dengan sa-baik2 mungkin saperti menyimpan-nya sa-bagai "saving"

Yang Amat Berhormat itu mengingatkan betapa perlu-nya berwaspada pada membelanjakan wang2 yang ada dan mengelakkan dari sebarang pembaziran terutama sekali dalam menempoh Hari Raya yang akan menjelang.

Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara berpendapat bahawa sa-bahagian daripada kewangan2 yang akan di-terima itu ada baik-nya di-jimatkan sa-bagai simpanan atau "saving" dan lain-nya di-gunakan sa-mata2 untok perkara2 yang berkebajikan untok faedah masing2 dan keluarga yang berkenaan serta masharakat 'am-nya.

# BANYAKKAN ZIKIR DAN AMAL IBADAT DI-BULAN PUASA



SEKARANG kita berada di-dalam bulan Ramadhan yang sedang di-tunggu2 oleh sa-tiap orang Islam yang berjiwa takwa kapada Allah. Bulan ini ada-lah suatu bulan yang di-besarkan oleh seluroh umat Islam di-mana sahaja mereka berada. Bulan ini selalu-nya di-sambut oleh umat Islam dengan penoh riang gembira, kerana di-dalam bulan tersebut banyak perkara2 yang penting yang tidak di-dapati di-dalam bulan2 yang lain. Sa-bagaimana di-ketahui bahawa dalam bulan ini umat Islam ada-lah di-suroh supaya berpuasa sa-lama satu bulan lama-nya, dan dalam bulan ini juga umat Islam akan berjuang menewaskan shahwat atau hawa nafsu ia-itu suatu perjuangan yang maha berat dan besar. Orang Islam yang berjaya menewaskan segala keinginan tadi akan berjaya di-sisi Allah dan akan mendapat kegembiraan.

Dalam bulan Ramadhan ini sa-lain dari kita berpuasa menurut perintah Allah, kita juga akan berpeluang berusaha lebeh giat lagi pada menambahkan takwa kita kapada Allah ia-itu dengan membuat amal ibadat kapada-Nya saperti bersembahyang tarawikh dan witir, membanyakkan zikir dan bersedekah kapada fakir miskin.

Bersedekah di-dalam punyai kelebehan yang banyak dari bersedekah pada bulan2 yang lain-nya sabagaimana yang di-nyatakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah hadith yang di-riwayatkan oleh At-Termizi yang bermaksud: Sa-baik2 sedekah itu ia-lah sedekah pada bulan Ramadhan.

Dan di-samping itu juga dalam bulan tersebut kita umat Islam di-suroh supaya menghidupkan suasana bulan yang mulia ini dengan membanyakkan kerja2 amal ibadat kapada Allah saperti memperbanyakkan membacha dan bertadarus Kor'an, kerana memperbanyak membacha Al-Kor'an dalam bulan Ramadhan ini ada-lah salah satu amalan Rasulullah s.a.w. sa-bagaimana yang di-terangkan oleh sebuah hadith yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bokhari yang bermaksud: *Sa-sunggoh-nya Rasulullah s.a.w. banyak membacha Al-Kor'an Al-Karim pada bulan Ramadhan, dan sa-sunggoh-nya Jibril a.s. mengulang kaji Al-Kor'an kapada Nabi pada bulan Ramadhan.*

Dalam kita menyambut bulan Ramadhan yang mubarak ini umat Islam hendak-lah sentiasa mematohi segala perintah Allah ia-itu berpuasa dalam bulan tersebut dengan penoh keimanan dan keikhlasan untok menuntut keredhaan-Nya.

Orang2 Islam yang berpuasa sa-harus-nya-lah memelihara diri mereka dari kejahatan dan perkara2 maksiat yang bertentangan dengan ajaran2 Allah yang terkandong di-dalam Al-Kor'an, kerana puasa itu bukan hanya sakadar menegah kita dari makan minum masa berpuasa, malahan banyak lagi tegahan2 yang lain yang perlu di-kawal dan di-patohi oleh sa-tiap orang Islam sa-bagaimana hadith Rasulullah yang di-riwayatkan daripada sahabat Abu Hurairah r.a., bahawa Nabi s.aw. telah bersabda yang maksud-nya: jika sa-orang daripada kamu berpuasa, maka jangan-lah ia menimbolkan perchakapan2 atau perbuatan2 yang keji, jangan-lah mengangkat suara atau berterang-terang dengan perchakapan2 yang kotor, dan jangan-lah ia bertindak saperti orang yang kurang akal. Sa-kira-nya ia di-maki atau hendak di-bunoh orang, maka hendak-lah ia berkata aku puasa, aku puasa.

Dari keterangan hadith di-atas dapat-lah di-ertikan bahawa orang2 Islam yang berpuasa hendak-lah sentiasa menjaga diri mereka dari perkara2 yang tidak di-ingini yang boleh merosakkan amal ibadat mereka kerana Allah.

Dari itu apa yang ingin di-serukan bersempena bulan yang baik lagi penoh berkat ini mari-lah kita sama2 memelihara kehormatan bulan Ramadhan, kehormatan ugama kita dengan chara menjauhkan diri dari melakukan perkara2 yang tidak di-ingini oleh ugama kita saperti tidak berpuasa di-dalam bulan Ramadhan dengan makan minum di-khalayak ramai.

## Bingkisan minggu ini

# PUASA MENGUJI KEIMANAN

DEWASA ini, sering kali kita mendengar manusia2 bertukar-tukar pendapat tentang bagaimana chara-nya hendak mengurangkan berat badan. Ada yang menchuba dengan mengurangkan makan, bersenam, berlari-lari di-waktu pagi dan berjalan kaki di-waktu petang-nya. Ada pula yang chuma memakan roti saja dan tidak memakan nasi; sebab nasi ada mengandongi banyak kanji dan gula, yang boleh menggemokkan badan. Dan ada pula yang chuma makan ikan dan sayor saja, tak makan daging, dan sa-terus-nya masing2 dengan chara2 yang tersendiri.

Ternyata kini bahawa berat badan itu ada-lah merbahaya bagi manusia, terutama sa-kali bagi orang yang sudah masok ka-umor 40 tahun ka-atas. Ada pula yang berpendapat bahawa orang yang gemok itu atau yang berat badan-nya senang sa-kali di-serang oleh penyakit2 yang merbahaya, saperti; lemah jantong, kenching manis, darah tinggi dan sa-bagai-nya.

Memang benar, makan terlalu banyak itu boleh menimbolkan berbagai-bagai penyakit kapada diri kita, sebab perut kita itu dalam tugas-nya ada-lah sama saperti mesin. Mesin juga mesti ada waktu 'rest'-nya atau masa berhenti-nya; di-bersihkan, di-buangkan karat2-nya, dan di-betulkan rosak2-nya, supaya nanti ia boleh di-gunakan sa-mula dengan baik lagi. Kalau-lah kita boleh melihat apa yang ada di-dalam perut kita, tentu sa-kali kita akan maklom betapa benar-nya kenyataan ini. Kita lalu melakukan kapada-nya sama saperti kita melakukan terhadap mesin tadi.

Tetapi shari'at Islam telah memberikan kapada kita suatu chara lain untok membersihkan apa yang di-katakan sa-bagai karat, dan kotor yang berselaput di-dalam perut kita. Islam telah menganjorkan kapada kita supaya berpuasa. Hal ini telah di-akui sendiri oleh doktor2 dan pakar2 perubatan tentang kebenaran-nya.

Ada pun puasa itu ia-lah menahan diri dari makan dan minum dan apa jua yang boleh membatalkan-nya. Ia di-mulakan dari terbit fajar sadiq sa-hingga-lah terbenam matahari dengan mengikut sharat2 yang tertentu. Puasa ini terbahagi kapada dua bahagian; yang pertama-nya ia-lah; puasa wajib dan yang kedua-nya ia-lah puasa sunat. Salah satu puasa wajib itu ia-lah puasa dalam bulan Ramadhan. Ia ada-lah salah satu dari rukun Islam yang wajib kita kerjakan dan menjadi asas bagi keIslaman sa-seorang, maka apabila ia di-chuaikan oleh muslimin-muslimah, maka akan terancham-lah keIslaman-nya.

Hampir semua ugama di-dunia ini mengenal apa yang di-maksudkan dengan puasa, sahingga sa-tiap pemelok2 ugama yang terbesar di-alam ini di-galakkan supaya mengamalkan-nya, sebab dengan chara berpuasa jiwa sa-seorang itu dapat di-uji samada kuat atau lemah, tahan menderita segala keperitan hidup atau tidak. Hanya beza-nya sa-tengah ugama menjadikan puasa itu sa-bagai lambang penyeksaan diri sendiri saperti bertapa. Sa-gulongan lain pula menjadikan-nya sa-bagai tanda protes (tentangan) atau kurang puas hati terhadap pemerintah atau pehak2 yang berkuasa saperti yang kita kenali sa-bagai mogok berlapar.

Tetapi Islam menjadikan-nya sa-bagai suatu amalan yang mengandongi bermacham-macham hikmat dan rahsia. Di-antara-nya menyembohkan penyakit2 lahir yang kadang2 tidak dapat di-ubat dengan ubat-ubatan biasa. Begitu juga menghilangkan penyakit2 batin saperti takabbur, mementingkan diri sendiri, bersifat kasar dan selalu marah. Dan yang terutama sa-kali ia-lah melateh diri agar selalu bersifat sabar dalam masa kepayahan atau kesusahan, menyehatkan alat penchernaan dan lain2 lagi.

Begitu-lah di-antara peranan2 yang penting yang di-mainkan oleh puasa manakala saja kita mengerjakan-nya. Mudah-mudahan kita akan mengerjakan ibadat puasa itu dengan penoh keimanan dan keikhlasan sa-mata2 kerana Allah jua, agar dengan itu kita akan mendapat pembalasan yang baik daripada-Nya.

# Memelok Ugama Islam

BENGKURONG. — Sa-orang pemuda Iban, Augustine anak Daip, 22 tahun, berasal dari Kuching, Sarawak kini telah menjadi saudara baru Islam sa-telah memelok Ugama Islam di-satu majlis yang berlangsong di-rumah Imam Anuar bin Yusof di-sini minggu lepas.

Ia melafazkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin dan kini di-kenali sa-bagai Md Affandy bin Abdullah.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

**Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 30hb Julai, 1980 hingga ka-hari Selasa 5hb Ogos, 1980 ada-lah saperti di-bawah ini: —**

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 30hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 31hb Julai | 12.32 | 3.49 | 6.42 | 7.53 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 1hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 2hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 3hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 4hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |
| 5hb Ogos | 12.30 | 3.48 | 6.40 | 7.51 | 4.43 | 4.58 | 6.16 |

**Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.**

**Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.**

# INGIN TAHU APA YANG DI-JUAL DI-PUSAT KESENIAN DAN PERTUKANGAN TANGAN?

Oleh AISAH PIEE

BANDAR SERI BEGAWAN.—Brunei, saperti juga negeri2 Melayu yang lain, terkenal dengan kesenian dan pertukangan tangan-nya. Dengan ada-nya hasil kesenian dan pertukangan tangan ini-lah maka ujud-nya Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan, satu2-nya wakil tunggal bagi penjualan barang2 kesenian dan pertukangan tangan. Pusat ini terletak di-Jalan Residency, Subok, Brunei. Barang2 yang di-jual termasok-lah barang2 yang di-perbuat daripada perak, tembaga, barang2 tenunan dan sedikit anyaman.

## SONGKOK

Salah satu dari alat pakaian lelaki yang ada di-jual di-Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan ini ia-lah songkok. Sa-bagaimana yang kita ketahui, songkok merupakan satu alat pakaian yang perlu di-mileki oleh kaum lelaki bagi menghadhiri berbagai2 majlis tertentu, majlis keugamaan, dan dalam mengerjakan ibadat sembahyang. Lebeh2 lagi kita sekarang berada di-dalam bulan Ramadhan, bulan yang mulia lagi berkat, dalam mana umat Islam di-kehendaki memperbanyakkan ibadat.

Kapada mereka yang berkenaan dan kapada ibu2 yang mungkin sedang menyediakan pakaian anak2 bagi menyambut ketibaan Hari Raya nanti, maka songkok di-Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan ini di-jual jauh lebeh murah dari yang terdapat di-kedai. Songkok bagi orang2 dewasa (ukoran 21″-23″) jenis tebal berharga $12.50 dan jenis nipis berharga $10.00. Sementara songkok bagi kanak2 (ukoran 18″-20$\frac{3}{4}$″) jenis tebal berharga $9.50 dan jenis nipis berharga $7.00. Songkok2 ini ada-lah hasil kerja tangan tukang2 anyaman bagi menampong mata pencharian mereka.

## PERAK DAN TEMBAGA

Sa-lain dari songkok, Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan juga ada menjual berbagai2 jenis barang yang di-perbuat daripada perak. Menurut sumber Jabatan Muzium yang mengendalikan Pusat itu, barang2 perak merupakan barang2 pertukangan yang paling di-gemari dan merupakan kadar penjualan yang paling tinggi dari pusat itu. Antara yang di-jual termasok-lah barang2 perak jenis bumbong, peti, tempat bedak, perahu, gong, bedil, napkin ring, pin keris, gelang, talam, kotak dan lain2. Begitu juga dengan tembaga jenis chanang, bumbong, lampu, chelapa, chupu, kiri, suloh, kedudokan dian, giring2, dan bedil yang berlainan ukoran.

Kapada mereka yang ingin membeli barang2 perak dan tembaga, dan ingin mengetahui harga barang2 tersebut, boleh-lah berhubong terus ka-Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan bila2 waktu Pejabat di-buka.

## TENUNAN DAN ANYAMAN

Sa-lain dari itu Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan pada masa ini sudah dapat menghasilkan jenis2 kain tenunan lama saperti kain Si-Pugut, Si-Lubang Bangsi, Sukmaindera, kain jenis Jongsarat dan kain untok Pengantin (lengkap), kain Beragi, kain Bertabor dan lain2.

Mengenai dengan anyaman, Pusat ini menjual sedikit anyaman dari bahan saperti pandan, ia-itu lapik piring, Beg Lipat pandan, topi, tudong saji kechil, topi pandan berbunga dan lapik piring pandan berbuloh.

## TEMPAHAN

Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan juga bersedia menerima tempahan dari dalam dan luar negeri di-semua bahagian, terutama dalam bahagian perak, tenunan dan songkok. Kapada mereka yang ingin membuat tempahan, sila-lah berhubong terus kapada Pengurus Perdagangan atau Pegawai Perhubongan Pusat Kesenian, untok meminta keterangan lanjut, pada waktu2 Pejabat di-buka.



**SONGKOK** yang sedia dengan berbagai warna dan ukoran.





**SA-LAIN** dari kain tenunan lama saperti dalam gambar atas kanan, tempahan juga boleh di-buat untok membuat kain pengantin. Sementara gambar kiri pula menunjokkan barang2 yang di-perbuat daripada perak.





**BARANG** anyaman (kiri) dan aneka barang yang di-perbuat daripada tembaga (atas).

# Dokumentari: Cambodia

# Year One — Part Two

# Life After Death

# Esok jam 9.30 malam

DALAM bahagian kedua ini, ranchangan ini mempaparkan keadaan2 sa-buah negeri di-mana sejak lima tahun yang lampau orang2-nya telah di-bunoh kerana mereka ada-lah "orang2 intelek". Memileki sa-batang pen, sa-buah jam tangan, sa-pasang kacha mata ada-lah bokti yang positif akan penjenayahan mereka.

Pol Pot, kumpolan fanatik yang berdedikasi terhadap revolusi pertanian saperti yang di-laong2kan oleh pemimpin China Mao Tse Tung, dengan meninggalkan bandar2 dan memerentah-kan orang2-nya untok bekerja di-ladang bagi penanaman padi sa-chara intensif. Orang2 baru, begitu-lah gelaran bagi orang2 Kemboja ini di-bandar, di-hina dan di-layan dengan kasar; mereka berada di-sana untok bekerja hingga mati atau di-paksa untok bekerja hingga mati atau di-paksa untok berkahwin bagi menambah bilangan pendudok kampong.

Memileki apa saja jenis ubat merupakan kesalahan negara. Untok menggantikan doktor2 yang di-bunoh, kanak2 berusia 14 tahun di-paksa melayan para pesakit. Sekolah2 di-hapuskan dan kanak2 di-hantar untok bekerja di-ladang2 ketika berumor 6 tahun. Pol Pot menyamakan buta huruf dengan ketaatan.

Masa depan Kemboja kini bergantong pada kanak2 — anak2 yatim piatu yang buta huruf dan tidak berpelajaran. Keselurohan jenerasi telah di-hapuskan, doktor2-nya, peguam2-nya, pegawai kerajaan dan pentadbir2-nya. Hanya gulongan tua dan kanak2 damit saja yang maseh ada. Negeri ini memerlukan bantuan yang lebeh daripada ubat2an dan makanan untok memulehkan keadaan negeri ini semula saperti sediakala.



"THE LAST LION" — singa berbulu hitam di-tengkok-nya berjaya mengelakkan diri-nya dari pemburu2 sa-lama beberapa tahun — di-tayangkan pada malam ini jam 9.40 malam (gambar atas).

SALAH satu adigan dalam siri Garrison's Gorillas dengan tajok "Run From Death" di-bintangi oleh Julie Harris, Christopher Cary dan Cesare Danora.



## "The Last Lion" tayangan gambar malam ini

THE LAST LION — pada malam ini jam 9.40 malam. Di-bintangi oleh Jack Hawkins dan Karen Spies.

Ryk Mannering (Jack Hawkins), sa-orang peniaga jutawan, tiba di-Afrika bersama dengan doktor persendirian-nya yang jelita (Karen Spies). Sa-lama bertahun2 Mannering telah tergoda dengan ranchangan untok membunoh Mona, singa tengkok hitam yang dapat mengelakkan diri dari-nya.

Dengan bantuan pemburu David Land ia chuba mengesan perjalanan Mona. Bila mereka menghampiri tempat singa2 ini, Ryk berjaya menembak dua ekor singa betina. Empat ekor anak singa hilang dalam semak sa-lepas ibu mereka terbunoh.

Tetapi Mona melarikan diri, sambil menjilat2 luka parah-nya.

Di-bawah sinaran mata hari Afrika, filem ini tiba pada klimaks bila Raja Binatang ini membuat serangan bagai kilat terhadap pemburu. Bagi sipemburu atau sang singa, ini ada-lah merupakan pembunohan terakhir.



ELLIOT Gould (kiri) dan Donald Sutherland ada-lah dua orang doktor bedah yang berpengalaman di-mana terpaksa menjalani penghidupan yang berani sa-chara gila-gilaan dalam MASH.



BENAR-KAH liku-liku perjuanga[n] siswa untok menchapai sa-keping ij[azah] sukar di-lalui ? Andai-nya benar, anak Brunei yang berjaya memperol[eh] ping ijazah termasok ijazah (Ph.D) ?

Dalam ranchangan SISWAZA[H] minggu ini (gambar atas) Halim Helen Thu menemu ramah Dr Mo[rni] B.Sc (McGill) Canada dan Ph.D ( New Zealand.

Dr Morni sekarang ini memega[ng] Pegawai Pertanian Kanan/Ketua Agronomi Jabatan Pertanian.

Ranchangan ini akan di-siarkan Ahad 3hb Ogos, 1980 jam 9.30 ulangan-nya pada hari Rabu jam 7.

ENGLISH Literature for 'O' Level, produced by the English Section of Radio Brunei with a series of 12 programmes on 'Great Expectations' by Charles Dickens. A BBC dra[ma] will be accompanied by talks given by local English teachers on the characters and theme[s] students reading for 'O' level will have plenty of material to work from. At the end of there will be a programme on George Orwell's 'Animal Farm'.

We hope that students will write in to RTB and let us to know what they thi[nk] programmes. Please be reminded again that the first programme on Great Expectatio[ns] heard on this Friday 1st August 1980 at 11.00 am and its repeat is every Monday at 8.00



LAST minute panic for the presenter of English Literature for 'O' Level.

# JENIS2 BARANG YANG DI-PERTANDINGKAN DALAM EXPO PERTANIAN 1980

KILANAS.— Jabatan Pertanian Brunei akan menganjorkan Expo Pertanian 1980 di-Steshen Pertanian Kilanas, Batu 10, Jalan Tutong, pada hari Ahad, 31hb Ogos, 1980. Di-antara achara yang akan di-adakan di-temasha tersebut ia-lah pertandingan hasil2 ladang yang terbuka kapada para peladang di-seluroh negeri untok merebut berbagai2 hadiah yang di-sediakan yang antara-nya terdiri dari alat2 ladang. Mengikut Jawatankuasa Tertinggi Expo 1980, berikut ia-lah senarai kumpolan barang2 yang akan di-pertandingkan pada hari itu : —

Kumpolan I — Padi, Jagong dan Kachang Tanah

Kumpolan II — Sayor2an Jenis Daun

Kumpolan III — Sayor2an Jenis Ubi

Kumpolan IV — Sayor2an Jenis Buah

Kumpolan V — Ubi2an.

Kumpolan VI, VII, dan VIII — Buah2an

Kumpolan IX — Tanaman2 Rampaian

Kumpolan X — Hasil2 Pertanian yang di-proses

Kumpolan XI — Anak2 Beneh Buah2an (Chantom, Lakom dan Sanding)

Kumpolan XII — Ternakan

Kumpolan XIII — Telor Ayam dan Itek

Kumpolan XIV — Anyam2an

Kumpolan XV — Masak2an

Di-samping ini, dua pertandingan khas hasil2 ladang masing2 sa-sama para peladang muda lepasan Pusat Latehan Pertanian Sinaut dan penuntut2 sekolah juga di-masokkan ka-dalam achara.

Di-samping itu Jawatankuasa Tertinggi juga akan menyediakan kawasan khas kapada para peladang dan orang ramai untok menjual hasil2 ladang mereka sa-chara tamu, dan berjual barang2 makanan dan minuman sa-chara gerai.

Mereka yang berminat untok menggunakan kemudahan2 tersebut ada-lah di-persilakan berhubong dengan Pengerusi, Jawatankuasa Bangunan dan Tempat, Awang Khamis bin Haji Tamin, Steshen Pertanian Kilanas, Nombor Talipon 85-352.

## Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan bersama2 dengan harga runchit yang telah di-persetujui oleh Pengawal Harga bagi panduan orang ramai di-musim peraya'an yang akan datang nanti saperti berikut : —

| JENIS BARANG2 | HARGA RUNCHIT | |
|---|---|---|
| Royal Baking Powder | 1 lb | $ 3.00 |
| | 8 ozs | $ 1.70 |
| | 4 ozs | $ 1.00 |
| Royal Custard Powder | 1 lb | $ 2.30 |
| Bird Custard Powder | 11½ ozs | $ 2.20 |
| Kong Guan Corn Flour | 1 lb | $ 2.00 |
| Q.B.B. Ghee | 2 lb | $ 6.10 |
| | 1 lb | $ 3.20 |
| | 5 ozs | $ 1.30 |
| | 500 gms | $ 3.70 |
| | 1 kg | $ 7.00 |
| | 150 gm | $ 1.50 |
| Golden Churn Butter | 12 ozs | $ 2.85 |
| | 16 ozs | $ 3.65 |
| | 6.5 lb | $19.20 |
| Golden Fern Butter | 12 ozs | $ 2.00 |
| LIPTON — BERRY JAMS : | | |
| Berry's Apple | 1 lb | $ 2.00 |
| „ Apricot | 1 lb | $ 2.00 |
| „ Pineapple | 1 lb | $ 2.00 |
| „ Mixed Fruits | 1 lb | $ 2.00 |
| „ Orange Marmalade | 1 lb | $ 2.00 |
| „ Raspberry | 1 lb | $ 2.20 |
| „ Strawberry | 1 lb | $ 2.20 |
| HELLERS CANDIES : | | |
| Sours Fruit Drops | 9 ozs | $ 2.00 |
| Butter Scotch Buttons | 9 ozs | $ 2.00 |

| JENIS BARANG2 | HARGA RUNCHIT | |
|---|---|---|
| Ice Blue Mints | 9 ozs | $ 2.00 |
| Sour Orange Slices | 9 ozs | $ 2.00 |
| Sour Lemon Slices | 9 ozs | $ 2.00 |
| Sour Lime Slices | | |
| Mint. Molasses | 9 ozs | $ 2.00 |
| Fld. Sour Berries | 9 ozs | $ 2.00 |
| Hard and Filled | 9 ozs | $ 2.00 |
| Sour Balls | 8 ozs | $ 2.00 |
| Root Beer Balls | 8 ozs | $ 2.00 |
| Spermint Balls | 8 ozs | $ 2.00 |
| Coffee Deluxe | 5 ozs | $ 2.00 |
| Peanut Pillows | 8 ozs | $ 2.00 |
| Fld. Choc. Straws | 8 ozs | $ 2.00 |
| PEEK FREAN BISCUITS : | | |
| A/Noon Tea Asst. | 7 ozs | $ 1.80 |
| Asst. Creams | 7 ozs | $ 1.80 |
| Start Asst. | 7 ozs | $ 1.80 |
| Bourbon | 6 ozs | $ 1.50 |
| Custard Cream | 7 ozs | $ 1.50 |
| Digestive | 5¼ozs | $ 1.40 |
| Nice | 6¼ozs | $ 1.40 |
| Ginger Biscuit | 6 ozs | $ 1.40 |
| Short Cake | 6½ozs | $ 1.70 |
| Vita-Weat | 5¾ozs | $ 1.50 |
| Rye C/Bread | 5¾ozs | $ 1.50 |
| Twiglets | 2¾ozs | $ 1.50 |
| Cheeselets | 2¾ozs | $ 1.40 |

Orang ramai ada-lah di-harap memberikan kerjasama atau melaporkan kapada pehak yang berkenaan talipon 25555, Yunit Peranchang Ekonomi, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, mana2 kedai yang tidak mengikut harga2 yang di-sebut di-atas bagi penyiasatan sa-lanjut-nya.

## Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 30hb Julai hingga 5hb Ogos 1980

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 30.7.1980 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 30.7.1980 | Rabu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Melayu Masin | 30.7.1980 | Rabu | 11.00–12.00 | T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 2.8.1980 | Sabtu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu O.K.S.B., Kilanas | 2.8.1980 | Sabtu | 3.15– 4.15 | „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut | 2.8.1980 | Sabtu | 4.30– 5.30 | „ |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Kampong Serasa | 3.8.1980 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 3.8.1980 | Ahad | 10.15–11.15 | „ |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 3.8.1980 | Ahad | 11.30–12.30 | T/Hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 4.8.1980 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan | 4.8.1980 | Isnin | 3.30– 4.30 | „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 5.8.1980 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 5.8.1980 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |



SATU rombongan tujoh orang Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri telah melakukan lawatan ka-rumah sakit baru yang sedang dalam pembenaan di-Kampong Kiulap di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu. Lawatan mereka itu ia-lah untok meninjau perkembangan ka-atas projek tersebut.

Sa-belum mereka di-bawa melawat ka-sekitar projek itu, Ahli2 Yang Berhormat itu telah di-beri taklimat mengenai dengan rumah sakit baru itu oleh Pengurus Projek, Dr Rex Lawrie dan arkitek-nya Awang Jamilly (gambar atas).

Sa-telah itu mereka telah di-bawa menyaksikan bangunan yang telah pun hampir siap dan lain2 bangunan yang terdapat dalam projek tersebut.

Rombongan Ahli2 Yang Berhormat itu di-temani oleh Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Y.B. Pehin Dato Dr P.I. Franks.

Jurutulis Majlis2 Mashuarat, Dato Paduka Awang Judin bin Asar juga turut dalam rombongan terebut.

## Jadual lawatan doktor terbang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan telah menyusun jadual lawatan doktor yang menggunakan pesawat helikopter ka-kampong2 pendalaman untok memberikan rawatan perubatan kapada penduduk2 kampong berkenaan bagi bulan Ogos depan.

Menurut jadual tersebut rombongan doktor terbang itu akan melawat lapan buah kampong di-Daerah Tutong; empat di-Daerah Belait dan empat buah di-Daerah Temburong.

Kampong2 di-Daerah Tutong yang akan di-lawati oleh rombongan tersebut ia-lah Supon Besar pada 4hb Ogos, Long Mayan dan Supon Kechil pada 5hb Ogos, Kampong Bukit pada 6hb Ogos, Benutan pada 18hb Ogos, Mapol Baru pada 19hb Ogos, Panchong pada 26hb Ogos dan Ukong pada 27hb Ogos.

Kampong di-Daerah Belait yang akan di-lawati oleh rombongan doktor terbang itu ia-lah Teraja dan Apak2 pada 11hb dan Buau pada 12hb Ogos.

Rombongan tersebut akan melawat ka-kampong di-Daerah Temburong pada tarikh2 saperti berikut :

Kampong Lopat pada 20hb Ogos dan Biang Menengah dan Lamaling pada 25hb Ogos.



## Peti2 TV untok wad kanak-kanak

PESAKIT2 di-Wad Kanak-Kanak di-rumah sakit umom di-Bandar Seri Begawan dan di-rumah sakit Suri Seri Begawan di-Kuala Belait sekarang dapat menyaksikan siaran ranchangan talivishen dengan ada-nya peti2 TV di-Wad2 tersebut.

Peti2 TV itu telah di-hadiahkan oleh dua buah sharikat ia-itu Auto Electrical dan Sharikat Borneo (Brunei) Sendirian Berhad.

Majlis penyampaian peti2 TV itu telah di-langsongkan di-Wad Kanak-Kanak rumah sakit umom Bandar Seri Begawan pada minggu lalu. (gambar atas).

Awang Robert Low Pengurus Sharikat Auto Electrical telah menyerahkan peti TV jenis Philips untok Wad Kanak-Kanak di-rumah sakit umom sementara hadiah dari Sharikat Borneo di-sampaikan oleh Awang Sharif Ho untok Wad2 Kanak-Kanak di-rumah sakit Suri Seri Begawan, Kuala Belait.



BEGINI-LAH pemandangan di-kawasan Sungai Kianggeh apabila projek tersebut siap nanti (gambar atas). Gambar kiri pula ia-lah tandas dan pasar babi yang akan di-roboh. Pasar babi sekarang di-tempat di-bangunan sementara di-Jalan Teraja di-mana sa-buah pasar babi kekal akan di-bena di-situ, sementara lain2 gambar kelihatan kerja2 ka-atas projek Pengaloran dan Pembentokan Semula Sungai Kianggeh sedang di-jalankan.







# ..JA2 KA-ATAS PROJEK PENGALORAN DAN PEMBENTOKKAN SEMULA SUNGAI KIANGGEH BERJALAN LANCHAR

Oleh : SHADOON LAMZI

**..SERI BEGAWAN. ..ka-atas projek pe- ..embentokan semu- ..Kianggeh, (Canal- .. redevelopment of ..anggeh), kini se- ..alan dengan lan-**

..tersebut apabila se- ..akan merobah ke- ..al sekitar Sungai ..dan ia-nya sekali ..menchantekan ibu ..ei yang kian mem- ..

..uruchakap bagi Shari- .. Cogan dan Sekutu, ..gan and Associates), ..ing yang di-amanah- ..anjaan Duli Yang Ma- ..a di-temui baru2 ini .. yang tawaran bagi ..n di-berikan kapada ..bangunan Gonzalez- .. dan kerja2 telah di- ..alam bulan Jun tahun

.. itu menambah ba- .. perengkat pertama ..rojek yang di-laksa- ..arikat Pembangunan .. Berhad itu akan menelan belanja sa-banyak $7.95 juta.

"Kami belum lagi dapat mempastikan tarikh tetap selesai-nya projek ini, tetapi besar kemungkinan ia-nya di-jangka akan siap di-dalam awal tahun depan.

"Apa yang dapat saya gambarkan mengenai dengan projek ini ia-lah di-sebelah saloran Sungai Kianggeh akan terdapat satu kawasaan konkrit lapang yang boleh di-gunakan untok kawasan jualbeli saperti tamu. Untok menchantekkan suasana sekitar-nya, tempat itu akan di-hiasi dengan tanaman2 bunga dan ia-nya akan di-lengkapi dengan tandas awam," tambah beliau.

Bangunan tandas awam dan pasar babi yang pada masa ini terletak di-pinggir sungai itu akan di-robohkan dan di-tempatkan disatu tempat yang lain untok membolehkan kerja2 membesarkan jalan Sungai Kianggeh di-laksanakan

Menurut juruchakap itu lagi terdapat juga satu chadangan didalam perengkat kedua (phase two) projek tersebut untok memperbaiki tempat2 lain Sungai Kianggeh dan menjadikan keadaan kawasan ini bertambah baik.







# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji sa-banyak $433.00 sa-bulan.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dengan menerima salah satu daripada dua tangga gaji bergantong kapada kelayakan :
   'B' — $473.00
   'A' — $490.00
   Kedua-dua tangga gaji ini tidak termasok elaun chatuan sa-banyak $162.00 sa-bulan.
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti elaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.





**Pertukangan Jurutera**
**Ahli Bomba**
**dan Pancharagam**

### SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah DYMM dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan menerima gaji penoh $433.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dengan gaji pokok $473.00 tidak termasok elaun chatuan $162.00.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima elaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui radio dan talivishen. Latehan bagi pengambil-an yang akan datang ia-lah pada 1hb September, 1980.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
BOLKIAH KEM,
BRUNEI

Talipon 30531 sambongan 01 atau 02.

### ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT

Nama : ..............................................................................................

No. Kad Pengenalan : ........................ Warna : ......................................

Tarikh lahir : ...................... Tempat lahir : ........................................

Alamat : ............................................................................................

..........................................................................................................

Nama Warith : ...................................................................................

Hubongan : ................................No. Kad Pengenalan : ..........................

Alamat Warith : ...................................................................................

Nama Sekolah : ...................................................................................

Tingkatan : ......................................

Kelulusan : .........................................................................................

Kerjaya yang di-pileh : .........................................................................

No. Talipon : .......................................

Tarikh : ...................................... ..................................................
Tanda Tangan

sari RTB
gu ini

# Derma dari pendengar untok anak2 yatim





## Derma untok anak2 yatim

NAMA2 Penderma Lagu Permintaan Anak2 Yatim yang di-siarkan oleh Bahagian Melayu Radio Brunei pada 20hb Julai, 1980.

| | NAMA | PENDERMA |
|---|---|---|
| 1. | Penuntut2 Anthony Abell Seria | $147.00 |
| 2. | Tingkatan 4 SC, SBES, Tutong | $ 41.00 |
| 3. | Tanpa Nama | $ 10.00 |
| 4. | Muhammad, Brunei | $ 8.00 |
| 5. | Rosnah Md Taib | $ 7.00 |
| 6. | Penuntut Tingkatan 4B S.M.M. Ahmad Tajuddin Kuala Belait | $ 7.00 |
| 7. | Baha Adam | $ 6.00 |
| 8. | Ros Rahman | $ 5.00 |
| 9. | Mohd Hassan Abdullah | $ 5.00 |
| 10. | Zurina Metassin | $ 5.00 |
| 11. | Masda H. | $ 5.00 |
| 12. | Dk Aisah Pg Taib | $ 3.00 |
| 13. | Mohd Sani T | $ 2.00 |
| 14. | Dharrony Usman | $ 2.00 |
| 15. | Rahmawati Lapa | $ 2.00 |
| 16. | Rosli Kassim | $ 2.00 |
| 17. | Marzaina Abdullah | $ 2.00 |
| 18. | Satiah Haji Tengah | $ 2.00 |
| 19. | Cpl Alitaddin Jair | $ 2.00 |
| 20. | Fatimah Mohammad | $ 2.00 |
| 21. | Zainab Tuah | $ 2.00 |
| 22. | Surai Haji Nuddin | $ 2.00 |
| 23. | Rohayah Minudin | $ 1.00 |
| 24. | Louis Yama | $ 1.00 |

## Mari berpantun khas untok Hari Raya

BAHAGIAN Drama, Sastera dan Kebudayaan, Perkhidmatan Melayu Radio Brunei, akan membuat ranchangan Mari Berpantun Sambil Bersenda yang khas di-keluarkan untok Hari Raya Aidil Fitri nanti. Oleh yang demikian kapada awda, khasnya peminat2 ranchangan ini, yang berhajat untok menyertai-nya boleh-lah menghantar pantun2 awda yang berkisar di-suasana Hari Raya Adil Fitri kapada :

Penerbit Ranchangan Mari Berpantun Sambil Bersenda,
Perkhidmatan Melayu Radio Brunei,
RTB,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

Pantun2 awda itu hendak-lah sampai kapada pehak penerbit dengan sa-berapa segera yang boleh. Ranchangan ini akan memakan masa sa-lama satu jam

DENGAN segala kemurahan hati para pendengar di-seluroh tanah ayer maka setakat ini Bahagian Melayu Radio Brunei telah berjaya mengumpolkan lebeh dari $1,500.00 hasil sumbangan peminat lagu2 permintaan derma anak2 yatim. Ranchangan khas ini yang di-siarkan pada tiap2 hari Ahad dari jam 11.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dari studio Radio Brunei di-Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait telah menemui para pendengar kita sejak sa-bulan yang lalu.

Tujuan kita selain dari tidak melupakan anak2 yatim dalam menyambut Hari Raya yang mulia ini ada-lah juga untok memberi kesempatan kapada umat Islam di-negeri ini meringankan tangan menghulurkan derma sa-suchi hati berupa amalan sedekah yang sangat2 di-galakkan dan di-tuntut dalam bulan Ramadhan ini kerana amalan sedekah itu mendapat ganjaran pahala yang berganda2. Derma yang di-kumpolkan itu akan di-serahkan nanti kapada Pengerusi Jawatankuasa Tabong Anak2 Yatim.

Awda belum lagi terlewat untok menyertai amal ibadat menghulurkan derma kapada anak2 yatim melalui ranchangan Lagu2 Permintaan Anak2 Yatim ini. Lampirkan surat2 lagu permintaan awda dengan derma sa-tulus hati untok anak2 yatim di-negara kita ini. Alamatkan surat2 awda itu kapada Peti Surat 6000, Bandar Seri Begawan, Brunei. Dan surat2 bersama derma awda itu akan sampai ka-meja Pengelola Ranchangan Kanan Radio saperti gambar di-atas yang sedang bersama2 dengan Pegawai2 kanan radio menguruskan penerimaan derma dan penyiaran lagu2 permintaan derma anak2 yatim.

# RANCHANGAN TVP

## DARI 4HB HINGGA 9HB OGOS

### ISNIN — 4HB OGOS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 141
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti ruangan MARI BERLAKON, KERJA TANGAN, SI-MANIS, bermain BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

Di-ruangan MARI BERLAKON Chegu Sa'diah dan kanak2 akan berlakon bermain bola. Mereka akan melambong dan mengantol bola.

Di-sudut KERJA TANGAN Chegu Sa'diah akan menunjokkan chara membuat 'Chawan dan Bola'.

Minggu ini SI-MANIS berpesan kapada kawan2-nya supaya bermain dengan baik. Jangan suka berkelahi apabila kalah dalam satu2 permainan.

'Beruang Teddy Ku' ia-lah cherita yang Chegu Sa'diah akan bachakan di-HALAMAN BERCHERITA kali ini.

### SELASA — 5HB OGOS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 142
Kanak2 akan berpeluang menyaksikan aktiviti2 saperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, PAK LONG, AMINAH, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

Chegu Sa'diah dan kanak2 akan NAIK KUDA pergi ka-taman permainan.

LIHAT dan PERHATI akan mengajar kanak2 berkenaan dengan benda2 yang mereka boleh nampak di-taman permainan kanak2 saperti ayunan, unggat-papan, gelongsor dan bermacham2 lagi. Di-SIRI PERMULAAN Chegu Sa'diah akan membacha buku bertajok 'Sokan'.

### RABU — 6HB OGOS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 143
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERMAIN BOLA, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMIN, MENGATOR GAMBAR dan CHERMIN SAKTI.
Di-halaman MENGATOR GAMBAR, Chegu Sa'diah akan menunjokkan beberapa keping gambar. Kemudian Chegu Sa'diah akan bercherita berkenaan gambar2 ini. Gambar2 ini tidak-lah terator susunan-nya. Chegu Sa'diah akan mengator gambar2 itu mengikut cherita-nya.

### KHAMIS — 7HB OGOS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 144
BERMAIN MUSIK, KAJIAN SEMULA JADI, BERMAIN BAKUL, KETUA KESELAMATAN, LUKISAN DARI RUMAH dan CHERMIN SAKTI.
Di-sudut KAJIAN SEMUA JADI, Chegu Sa'diah akan mengajar nama2 binatang di-India.
KETUA KESELAMATAN kali ini melarang kanak2 bermain bola di-dalam rumah.

### SABTU — 9HB OGOS

**PETANG**

4.30 KAP KAP UDANG 145
Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 saperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, AMINAH, BERMAIN KERUSI, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Di-HALAMAN BERCHERITA, Chegu Sa'diah akan membacha buku bertajok "Squawk". Buku ini mencheritakan kesah sa-ekor burong yang tidak pandai menyanyi.

BELIA DAN SOKAN



AWANG Tay Kian Huat, wakil Pengurus Sharikat Swee menyampaikan Oskar rebutan kapada Pengurus Pasokan Ziebart, juara perlumbaan lumba basikal 100km.

## Untok memajukan lumba-basikal di-negeri ini

# PELUMBA2 TEMPATAN PERLU BANYAKKAN LATEHAN INTENSIF

LIMAU MANIS. — Dalam usaha untok memajukan dan menjayakan perlumbaan lumba basikal di-negeri ini faktor yang memainkan peranan penting dan patut di-sematkan di-jiwa pelumba2 tempatan ia-lah pada membanyakkan latehan2 yang intensif baik dari segi fizikal mahupun mempelajari teknik2 lumba basikal.

Di-mana pelumba2 tempatan harus-lah mengadakan latehan asas dan lanjutan yang di-perlukan sekurang2-nya sa-lama satu tahun untok membolehkan mereka menjadi jagoh ataupun juara sokan tersebut di-negeri kita ini.

Demikian di-sarankan oleh Yang Dipertua Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei, Awg Azahari bin Md Ali dalam uchapan alu2annya di-kejohanan Lumba Basikal Uji Masa Berpasokan 100 kilometer yang telah di-adakan di-antara Jalan Mulaut dan Limau Manis di-sini pada 6hb. Julai lalu.

Dengan berbuat demikian, kata beliau, baharu-lah pelumba2 kita akan dapat berdiri sama rendah dan dapat menandingi pelumba2 luar negeri di-kejohanan2 arena lumba basikal antarabangsa.

Awang Azhari selanjut-nya menyarankan supaya maktab2 dan sekolah2 menggalakkan penuntut2 dan murid2 dengan mengadakan kelas2 basikal agar dengan itu akan timbul-lah pelumba2 muda yang boleh di-asoh dan di-ketengahkan di-perlumbaan samada di-perengkat kebangsaan mahupun perengkat antarabangsa.

"Dan yang paling penting ia-lah bantuan dari pehak2 yang tertentu bagi membolehkan persatuan ini untok hidup terus dan berupaya pada menganjorkan perlumbaan2 di-negeri dan juga di-perengkat antarabangsa", tambah beliau.

"Saya perchaya jika persatuan ini di-berikan sokongan moral dan material saperti yang di-berikan kapada persatuan2 lain, neschaya BACA juga pada satu masa nanti mampu menaikkan bendera Brunei di-perlumbaan perengkat antarabangsa", kata beliau lagi.

Menyentoh mengenai dengan masaalah yang di-hadapi oleh Persatuan Lumba Basikal Amatur Negeri Brunei, Awang Azahari menambah kata bahawa masaalah yang di-hadapi ia-lah tempat (jalan-raya) pada mengadakan sa-barang perlumbaan di-negeri ini di-samping mempunyai masaalah2 yang lain.

Dalam perlumbaan itu pasokan Lumba Basikal Ziebart dari Daerah Belait telah munchol sa-bagai juara.

Pasokan ZIEBART yang di-anggotai oleh Awang Sulaiman bin Mohammad Salleh, Awang George Ho Quick Kiong, Awang Ho Ah Lok dan Awang Sabtu bin Mohd Arshad telah menchatetkan masa 3 jam 7 minit 54.1 saat.

Naib johan telah jatoh kapada pasokan Rose Pawana dari Daerah Tutong dengan menchatetkan masa 3 jam 9 minit. Pelumba2 basikal pasokan ini terdiri dari Awang Salim bin Sisa, Awang Osli bin Hj Mohd Noor, Awang Ishak bin Hj Sia dan Awang Jainny bin Untong.

Sementara tempat ketiga telah di-menangi oleh pasokan Yong Sof A dari Daerah Brunei dan Muara dengan menchatetkan masa 3 jam 10 minit. Pasokan ini telah di-anggotai oleh Awang Ku Hon Fah, Awang Edward Yeo Teck Hock, Awang Wong Soon Hin dan Awang Chan Yock Kwang.

Tempat ke-empat di-sandang oleh pasokan Chee Auto Mobile dengan menchatetkan masa 3 jam 12 minit dan pemenang kelima jatoh kapada pasokan Setia Bakti 'A' dengan menchatetkan masa kepentasan 3 jam 20 minit.

Kejohanan tersebut di-adakan ada-lah bagi merebut hadiah yang di-sumbangkan oleh Sharikat Swee Private Limited yang juga telah menaja kejohanan pada tahun ini dan di-samping itu ia-nya juga di-adakan pada menarek minat serta meninggikan mutu perlumbaan lumba basikal di-negeri ini.

Hadiah2 kapada pasokan2 yang menang di-akhir kejohanan itu telah di-sampaikan oleh Awang Tay Kian Huat, wakil Pengurus Sharikat Swee Private Limited dari Bandar Seri Begawan.

## Tarek kalat di-jangka lebeh menarek

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perlawanan tarek kalat sa-bagai salah satu achara bagi memeriahkan lagi sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-34 tahun sedang di-susun dan di-harapkan akan lebeh menarek lagi daripada tahun2 yang sudah.

Sokan yang memang sudah tidak asing lagi bagi pendudok2 di-negeri ini bila tiba saja hari perayaan, mulai tahun ini ada-lah di-anjorkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Hari Perayaan dan akan di-kendalikan oleh Ahli2 Jawatankuasa yang di-lantek khas bagi penyelenggaraan-nya.

Lihat muka 16

## Peladang Muda 'A' juara liga b-sepak Pertanian

GADONG. — Perlawanan perengkat akhir Liga Bolasepak antara Bahagian2 Jabatan Pertanian Brunei telah di-langsongkan di-Stadium Hassanal Bolkiah, Pulis Gadong pada 11hb Julai yang baru lalu.

Dalam perlawanan itu Pasokan Peladang Muda A yang mewakili bahagian projek peladang muda lepasan Pusat Latehan Pertanian Sinaut telah berjaya menewaskan Pasokan Gorgeous Celestails yang mewakili Pusat Latehan Pertanian Sinaut dengan tendangan penalti sa-telah kedudokan seri 3-3 dalam waktu 90 minit permainan.

Dengan kemenangan ini Pasokan Peladang Muda A telah berjaya memenangi Piala Concordia II.

Awang Abd Wahab telah di-pileh sa-bagai pemain terbaik dalam bolasepak pertanian pada tahun ini.

Perlawanan tersebut di-anjorkan ada-lah sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali ke-34 tahun.

Kejohanan liga tersebut telah di-mulakan sejak 1hb Mei 1980 di-mana sa-jumlah 14 buah pasokan yang mewakili bahagian jabatan2 Pertanian telah mengambil bahagian. Perlawanan itu di-jalankan sa-chara kumpolan.

Hadiah2 kapada pemenang2 di-akhir perlawanan itu telah di-sampaikan oleh Awg Danial bin Hj Hanafiah. (Gambar bawah).



## Perlawanan gasing anjoran MBB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia-Belia Negeri Brunei akan menganjorkan perlawanan bermain gasing sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei kali yang ke-34 tahun.

Perlawanan yang di-kendalikan oleh Persatuan Kebajikan Kampong Sengkurong itu akan di-adakan pada bulan September akan datang.

Perlawanan tersebut ada-lah terbuka kapada pendudok2 kampong, persatuan2 belia dan kebajikan di-seluroh negeri.

Borang2 penyertaan serta butir2 lanjut mengenai dengan perlawanan itu boleh di-dapati dari Awang Asmat bin Haji Mohammad Salleh, Awang Haji Untong bin Abd Rahman dan Awang Ali bin Abdul Hamid kesemua-nya di-Kampong Sengkurong.

Borang2 penyertaan yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 yang berkenaan tidak lewat dari hari Ahad 7hb September 1980 dan borang2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

## Pelajar2 dewasa tinjau Sharikat Minyak Shell

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-rombongan sa-ramai 45 orang pelajar termasok empat orang guru dari Kelas Dewasa Urusan Rumah Tangga Sekolah Melayu Kasat dan Lumapas di-Daerah Brunei dan Muara telah mengadakan lawatan sambil belajar ka-Sharikat Minyak Shell Brunei dan Pusat Latehan Pertanian Sinaut, Tutong pada minggu lalu.

Rombongan tersebut telah di-ketuai oleh Awang Othman bin Pengarah Haji Untong, Penyelia Kelas Dewasa Sekolah Melayu Kasat.

Sa-belum mereka di-bawa melawat ka-berbagai tempat Shell, rombongan tersebut telah di-berikan taklimat oleh Awang Mohammad Sharif bin Haji Naweh, Penolong Pegawai Perhubongan Awam Sharikat itu mengenai dengan latar belakang penubohan serta perkembangan dan kemajuan yang telah di-chapai oleh sharikat itu sejak ia-nya di-tubohkan pada tahun 1959 lagi.

Sa-lepas mendengarkan taklimat, rombongan pelawat2 itu pun di-bawa melawat ka-tempat2 yang menarek antara-nya termasok-lah lawatan mereka ka-bahagian pentadbiran, dan tempat memproses minyak dan lain2 lagi tempat yang menjadi tumpuan pelawat2 yang tiba di-tempat itu.

Sementara di-tempat Pusat Latehan Pertanian Sinaut pula, rombongan pelawat2 itu telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian pusat itu saperti ternakan dan tanaman sayor2an yang beraneka chorak.

## Perlawanan bolasepak Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Daerah Belait akan menganjorkan perlawanan bolasepak hanya terbuka kapada pendudok2 di-Daerah Belait sahaja. Perlawanan tersebut akan di-jalankan dalam bulan Ogos, depan.

Perlawanan tersebut di-bahagikan kapada lima bahagian ia-itu perlawanan di-antara Jabatan2 kerajaan di-Daerah ini; pemain2 berumor 30 tahun ka-atas yang terbuka kapada sharikat2 swasta dan firma2, kawasan2 dan kampong2; pemain2 berumor 40 tahun ka-atas bagi kawasan2 dan kampong2 dan pemain2 7 orang sa-pasokan terbuka kapada Persatuan2, Kelab2, Jabatan2 Kerajaan, sekolah2 menengah dan maktab2, Sharikat2 swasta dan firma2, kawasan2 dan kampong2.

Borang2 serta butir2 lanjut mengenai dengan perlawanan itu boleh di-dapati dari Awg Ismail bin Apong, Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan, Kuala Belait; Pengiran Mohd Ali bin Pengiran Abd Rahman, Sekolah Menengah Chung Hwa, Kuala Belait dan Awang Ibrahim bin Metussin, SES/22 — B.S.P. Co. Ltd, Seria.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada nama2 yang tersebut di-atas tidak lewat dari hari Rabu 6hb Ogos 1980.



JOHAN, naib johan dan pemenang ketiga di-kejohanan itu bergambar ramai dengan hadiah masing2.

# 20 ORANG LAGI NAIK PANGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN.—Sa-ramai 20 orang lagi pegawai dari beberapa buah jabatan telah di-naikkan pangkat.

Dua orang dari mereka di-naikkan pangkat ka-tangga gaji B3; lima orang dalam Bahagian III di-naikkan ka-Bahagian II; 10 orang pegawai dalam Bahagian IV di-naikkan ka-Bahagian III dan tiga orang pegawai dalam Ba-hagian III di-naikkan tang-ga gaji.

Dua orang pegawai da-lam Bahagian II yang di-naikkan pangkat ka-tang-ga gaji B3 ia-lah Dk Rah-mah bte Pg Haji Mohd Jadid, sa-bagai Ketua Ta-livishen Pendidekan dan Pg Anak Sallehuddin bin Pg Paduka Tuan Sahibol Karib Pg Haji Abu Bakar, Pegawai Kakitangan Ja-batan Hal Ehwal Ugama. Lantekan Dk Rahmah ber-mula pada 1hb Januari, 1980 dan Pg Anak Salle-huddin bermula pada 1hb Februari, 1980.

Tiga orang Pembantu Rumah Sakit Kanan — Perubatan telah di-naikkan pangkat sa-bagai Ketua Jururawat ia-itu jawatan dalam Bahagian II. Me-reka ia-lah Awang James August Enau, Awang Foo Jee Shing @ Jimmy Foo dan Awang William Wong Yee Onn. Lantekan me-reka bermula pada 1hb Jun, 1980.

Dua orang lagi yang di-naikkan pangkat ka-Baha-gian II ia-lah Pg Haji Md Yassin dan Pg Damit, yang di-naikkan pangkat ka-ja-watan Pegawai Pepereksa-an mulai 1hb Jun, 1980 dan Dayang Kamariah bte Haji Jalil, Pegawai Uru-san Rumah Tangga yang di-naikkan pangkat sa-ba-gai Nadzir Khas mulai 1hb Julai, 1980.

Empat orang Pembantu Rumah Sakit di-naikkan pangkat sa-bagai Pemban-tu Rumah Sakit Kanan — Perubatan mulai 1hb Jun, 1980. Mereka ia-lah Awg Abu bin Haji Serudin, Awg Leong Keong Ho @ Henry Leong Kiang Fong, Awg Haji Mangsor bin Siring/Sirin dan Awg Haji Mohammad @ Mohamad bin Haji Tengah.

Empat orang Pegawai Perpustakaan telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Perpustakaan Ka-nan. Mereka ia-lah Awg Hamidon bin Begawan Mudim D.P. Awg Haji Hassan, Awg Abdul Hamid bin Haji Kahar, Dy Hjh Latifah bte Haji Yaakub dan Awg Abu Bakar bin Haji Zainal @ Osman bin Haji Zainal. Lantekan ba-gi mereka bermula pada 1hb Julai, 1980.

Dua orang lagi pegawai dalam Bahagian IV yang di-naikkan pangkat ka-Bahagian III ia-lah Awg Affinde bin Haji Mohd Noor yang di-naikkan pangkat ka-jawatan Pega-wai Yang Menguasai La-lu Lintas Udara Tingkat III dan Awg Hashim bin Abdul Rahman yang di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Penaksir Rumah. Lantekan bagi Aw Affinde bermula pada 1hb Febru-ari, 1980 sementara lante-kan bagi Awg Hashim ber-mula 1hb Julai, 1980.

Dua orang Pemereksa Kenderaan—Jabatan Ken-deraan Darat telah di-naikkan pangkat sa-bagai Pegawai Melesen mulai 1hb Jun, 1980. Mereka ia-lah Awang Junaidi bin Md Said dan Awang Haji Abd Latif bin Haji Badar.

Ak Saiful Rijal bin Pg Md Salleh, Vision Mixer, RTB di-naikkan pangkat sa-bagai Pengawas MCR di-jabatan sama mulai 1hb Julai, 1980.

Sementara itu Jabatan Perjawatan juga telah me-ngumomkan pertukaran Dk Iring bte Pg Haji Pe-tra, Setia Usaha Sulit, Ja-batan Pulis Diraja Brunei yang di-tukar ka-Pejabat Askar Melayu Diraja Bru-nei dalam jawatan yang sama mulai 1hb Julai, 1980.

Dua orang pegawai yang bersara ia-lah Dayang Nel-lie Patiwal, Ketua Juru-rawat—Perubatan bersara pada 8hb Julai, 1980 dan Awg Haji Momin bin Haji Awang Damit, Penyeleng-gara Setor Tingkatan Khas, bersara pada 18hb Julai, 1980.

## Perlawanan tarek kalat

Dari muka 15

Sa-bagai langkah untok mempastikan yang ran-changan2 bagi perlawanan itu nanti akan berjalan de-ngan lanchar dan terator saperti yang di-harapkan, satu mashuarat bagi Ahli2 Jawatankuasa Perlawanan Tarek Kalat Daerah Bru-nei-Muara telah berlang-song di-Pusat Belia di-sini baru2 ini.

Mashuarat yang telah membinchangkan berbagai agenda yang berkaitan de-ngan perlawanan telah de-ngan sa-bulat suara melan-tek sa-ramai 70 ahli2 jawa-tankuasa baru yang terdiri daripada ahli2 jawatan-kuasa tadbir dan kerja.

Berbeza daripada tahun2 yang sudah perlawanan pa-da tahun ini hanya meng-andongi tiga bahagian se-mua-nya. Bahagian 'A' ada-lah bagi berat badan ka-bawah 150 lb manakala bahagian 'B' ada-lah bagi berat badan 150 lb ka-atas, yang mana kedua2-nya ter-buka kapada Persatuan2, Kelab2, Jabatan2 Kera-jaan, Sharikat2 Swasta/Firma, Angkatan Bersen-jata, Kampong2 dan Ka-wasan2.

Satu lagi perlawanan ada-lah yang berchorak terbaharu yang mana khas bagi penun-tut2 Maktab dan Sekolah Me-nengah.

Perlawanan bagi perengkat negeri di-jangka akan di-ada-kan pada 26hb September.

**PERLAWANAN PERENGKAT DAERAH**

Sa-belum perlawanan pe-rengkat negeri masing2 dae-rah di-negeri ini akan meng-adakan perlawanan perengkat daerah untok memileh dua pasokan yang akan menjadi wakil.

Ada-lah di-fahamkan yang perlawanan tarek kalat bagi Daerah Brunei-Muara akan bermula pada 5hb September depan dan tarikh tutop untok menyertai perlawanan itu nan-ti ia-lah pada 31hb Ogos de-pan.

Daerah Belait akan memula-kan perlawanan-nya pada satu tarikh yang akan di-tetapkan kemudian. Bagaimana pun pendaftaran untok menyertai perlawanan itu nanti sedang pun di-buka sekarang dan akan di-tutop pada 12hb Ogos depan.

## Daftarkan nama anak2 yatim

KUALA BELAIT.—Lem-baga Tabong Anak2 Ya-tim Daerah Belait akan memberikan derma kapada anak2 yatim di-daerah itu bersempena dengan Hari Raya Aidil Fitri tahun ini.

Oleh itu penjaga2 anak2 yatim ada-lah di-nasehat-kan supaya mendaftarkan nama anak2 yatim itu ka-pada Penghulu, Ketua2 Kampong dan Ketua Ru-mah Panjang di-kampong masing2.

Bagi anak2 yatim di-kawasan Seria, boleh-lah membuat pendaftaran te-rus kapada nama2 di-bawah ini :

Awang Md Yusof bin Dulamin, di-Pejabat Dae-rah Belait atau Pengiran Haji Md Said bin Pg Ah-mad, Penghulu Mukim Be-lait, di-Pejabat Daerah Belait.

Pendaftaran hendak-lah di-buat sa-belum 31hb Ju-lai, 1980.



AWANG Ahmad bin Haji Nordin, Merinyu Pos, Ja-batan Perkhidmatan Pos (gambar atas) telah ber-tolak ka-Bangkok pada hari Ahad lepas untok menghadhiri kursus "Audit and Inspection".

Kursus kali kelima itu di-adakan di-Asian and Oceanic Postal Training School, Bangkok sa-lama 12 minggu.



AWANG Haji Hamdani bin Haji Abdul Rahman kelihatan menyerahkan derma daripada Badan Kebajikan dan Sosial Jabatan Pelajaran kapada Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota dan di-saksikan oleh Awang Haji Mashud (atas) sementara gambar bawah Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota menerima derma $500 daripada Boys and Girls Brigade yang di-sampai-kan oleh Awang Joseph Chin.



## Derma kapada Tabong Anak2 Yatim

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tabong Derma Anak2 Ya-tim Daerah Brunei-Muara ba-ru2 ini telah menerima sumbangan derma yang ber-jumlah $1,200 dari tiga badan kebajikan di-negeri ini.

Derma2 tersebut telah di-serahkan sa-chara berasingan kapada Pengerusi Tabong Der-ma Anak2 Yatim, Y.A.M. Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Kamaluddin Al-Haj.

Badan Sosial dan Ugama Jabatan Pelajaran Brunei telah menderma sa-jumlah $200.00.

Sumbangan tersebut telah di-sampaikan oleh Pengerusi Badan tersebut, Awang Haji Hamdan bin Haji Abdul Rah-man dan di-saksikan oleh Se-tiausaha-nya Awg Maji Ma-shud bin Awg Haji Damit.

Derma berjumlah $500 ada-lah dari Boys' and Girls' Bri-gade yang telah di-sampaikan oleh Awang Joseph Chin se-laku Kaptan dalam pertubo-han itu.

Sementara itu derma yang berjumlah $500 lagi ada-lah sumbangan dari Kelab Lions Brunei.

Penyampaian derma tersebut telah di-lakukan oleh Yang Dipertua Kelab Lions Brunei, Awang Simon Wee dan telah di-saksikan oleh dua orang ahli kanan-nya Awang S. Wheeler dan Awang Robert Koh.

Selaku Pengerusi bagi Ta-bong Derma Anak2 Yatim, Y.A.M. Pengiran Indera Mah-kota telah menguchapkan penghargaan dan terima kaseh-nya kapada penderma2 yang berkenaan.

'Dengan ada-nya derma2 tersebut maka dapat-lah kita serba sedikit memberi bantuan kapada mereka2 yang kurang bernasib baik terutama di-saat2 yang mana kita akan bersama2 menyambut hari la-baran, sabda Y.A.M.

## Ramai lagi pegawai2 AMDB di-hantar berkursus

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Lebeh ramai lagi anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei akan di-hantar ka-seberang laut untok menghadhiri berba-gai kursus.

Sa-ramai tiga orang ang-gota dari pasokan tersebut akan berlepas ka-Singa-pura esok, untok mengikuti kursus Armourer NCO Klass I, bertempat di-Wea-pon and Optical Base, Mount Vernon Camp I, Queen Street Post Office, Singapura.

Kursus yang akan ber-mula pada 1hb Ogos de-pan dan akan berakhir pa-da 27hb September, 1980 itu akan di-hadhiri oleh 3498 Cpl Ahmad Bujang bin Abdullah dari Bengkel Pasokan, 4339 Cpl Momin bin Hamid dari Bengkel Battalion Pertama dan 4730 Cpl Pg Abd Rahman bin Pg Abu Bakar dari Bengkel Battalion Kedua.

Sementara itu, dua orang lagi akan berlepas ka-Singapura pada hari Is-nin 4hb Ogos, 1980 untok mengikuti kursus Basic Airborne di-School of Commando Training, Sin-gapura.

Mereka ia-lah 98 Lt Li-wat bin Teradi dari Bat-talion Kedua dan 92 Lt Sharbini bin Batang dari Battalion Pertama.

Kursus tersebut akan bermula pada 11hb Ogos hingga 6hb September, 1980.

## Anggota AMDB terima pingat Kerja Lama

TUTONG. — Tiga orang anggota Pasokan Battalion Kedua Askar Melayu Di-raja Brunei telah meneri-ma Pingat Kerja Lama dan Kelakukan Baik di-satu upachara rengkas yang di-langsongkan di-Padang Kawat Battalion Kedua, Perkhemahan Tu-tong di-sini pada hari Kha-mis yang lepas.

Upachara penyampaian pingat2 tersebut telah di-lakukan oleh Pegawai Dae-rah Tutong, Awang Haji Chuchu bin Panglima As-gar Dato Paduka Haji Abdullah.

Pingat Kerja Lama dan Kelakukan Baik itu di-berikan kapada anggota2 Pasokan Askar Melayu Di-raja Brunei yang telah ber-khidmat lebeh daripada 18 tahun dan ia-nya di-beri-kan ada-lah sa-bagai me-ngenang kelakukan baik dan jasa dalam sa-panjang menjalankan perkhidmat-an.

Mereka yang telah me-nerima pingat2 pada hari itu terdiri dari Sarjan Abd Latif bin Md Taib; Kop-ral Shawal bin Salleh dan Lance Kopral Morneh bin Hussain.

Turut hadhir menyaksi-kan pingat2 itu termasok-lah Pegawai Pemerentah Pasokan Battalion Kedua AMDB, Leftenan Kolonel Bennet serta lain2 pega-wai2 kanan pasokan itu.

# UJIAN PENTING BAGI QARI DAN QARIAH BRUNEI

Oleh :
JAAFAR IBRAHIM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Musabaqah membacha Al-Kor'an perengkat antara bangsa yang akan berlangsong malam esok di-Kuala Lumpur ada-lah merupakan ujian penting ka-atas kebolehan qari dan qariah Brunei yang mewakili negara ini di-pertandingan itu.

Tahun ini, sekali lagi Brunei di-wakili oleh qari Awang Haji Md Yusof bin Abu Bakar dan qariah Dayang Hajjah Masni bte Haji Abd Manaf yang juga merupakan johan2 qari dan qariah sa-Negeri Brunei dalam pertandingan seluroh negeri baru2 ini.

Wakil2 kita ka-pertandingan tersebut telah pun berlepas ka-Kuala Lumpur pagi semalam.

Penyertaan Awang Haji Mohd Yusof ka-pertandingan itu ada-lah merupakan kali kedua di-mana beliau pernah mewakili Brunei pada tahun 1978 sementara bagi Dayang Hajjah Masni pula ada-lah kali yang ke-empat. Dayang Hajjah Masni pernah mewakili Brunei pada tahun 1979, 1977 dan 1975.

Turut menyertai rombongan itu termasok-lah Awang Hj Abd Rahman bin Khatib Abdullah, Penguasa Pelajaran Ugama Brunei bertindak selaku ketua rombongan sementara tiga orang yang lain ia-itu Awang Haji Abd Kadir bin Awang, jurulateh; Pengiran Haji Abas bin Pengiran Aliuddin, pengiring peserta lelaki dan Dayang Sharifah Mariam binte Syed Salim, pengiring peserta perempuan.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, YB Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin yang juga selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) juga menyertai rombongan Brunei itu sabagai pemerhati di-pertandingan itu nanti.

Pertandingan kali yang ke-21 anjoran Kerajaan Malaysia itu akan di-adakan sa-lama tiga malam berturut-turut dan ia-nya akan di-rasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Malaysia pada hari Khamis 31hb Julai (esok) mulai jam 8.00 malam (waktu Malaysia Barat).

Thema Pertandingan Membacha Al-Kor'an Perengkat Antarabangsa pada tahun ini berbunyi "KEKOKOHAN PERPADUAN MENURUT AL-KOR'AN".

Ketika di-tanya, Awang Haji Mohd Yusof menjelaskan bahawa beliau telah belajar membacha Al-Kor'an sejak di-bangku sekolah ia-itu ketika berusia 13 tahun dan guru yang menjadi pengasas dan mengasoh beliau ia-lah Awang Hj Abd Rahman bin Sujal atau lebeh di-kenali Haji Abang Man, berasal dari Kampong Saba Darat.

Guru tersebut juga kata-nya, pernah mengasoh dan mendidek Awang Hj Mashud bin Haji Damit, Awang Haji Damit bin Hj Kawang, Dayang Hajjah Siti Ara bte Haji Idris dan banyak lagi anak2 tempatan yang mendapat didekan khusus-nya dalam bidang pembachaan Al-Kor'an.

Mengenai dengan kejayaan2-nya di-bidang pembachaan Al-Kor'an, Awg Hj Mohd Yusof menambah bahawa beliau pernah menyandang johan qari perengkat negeri dua kali ia-itu pada tahun 1980 dan 1978 dan naib johan tahun 1979 di-samping itu beliau juga pernah menyandang johan qari antara persatuan2 Belia Daerah Brunei dan Muara anjoran Kemuka pada tahun 1972.

"Mengenai dengan musabaqah pada tahun ini saya berharap akan dapat memperbaiki kedudokan yang lebeh baik lagi saperti yang pernah saya chapai pada tahun 1978 dulu ia-itu tempat yang kelima. Oleh itu saya berdo'a mudah2an badan saya sehat walafiat di-pertandingan itu nanti dan dapat membawa kejayaan pula bagi negeri kita", ujar Awang Hj Mohd Yusof dengan penoh harapan.

# Iman dan amal saleh puncha kebahagiaan hidup

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kitab Suchi Al-Kor'an yang di-turunkan oleh Allah s.w.t. ada-lah merupakan sa-bagai petunjok dan panduan dalam kehidupan kita bagi menentukan jalan yang lurus yang benar dari jalan keliru yang salah.

Ini sesuai dengan tujuan asal Al-Kor'an di-turunkan saperti Firman Allah dalam surah Al-Baqarah ayat 185 yang bermaksud "Bulan Ramadhan yang di-turunkan pada-nya Al-Kor'an, sa-bagai petunjok bagi manusia dan beberapa keterangan yang membawa kapada petunjok yang dapat membezakan mana yang benar dan mana yang salah".

Satu2-nya yang menjadi hajat dan harapan sa-tiap orang ia-lah untok menekmati kebahagiaan hidup dan semakin banyak kita bacha dan dengar pendapat manusia mengenai jalan menuju ka-arah kebahagiaan itu semakin berchelaru fahaman kita.

Demikian antara kandongan perutusan Jabatan Hal Ehwal Ugama yang di-sampaikan oleh Pemangku Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd Saman bin Kahar sempena Sambutan Nuzul Al-Kor'an yang telah di-siarkan melalui radio dan TV malam semalam.

Maka sempena mengalu2kan sejarah Nuzul Al-Kor'an itu, jelas Awang Haji Abdul Saman chuba-lah kita hayati apa petunjok Al-Kor'an mengenai jalan lurus ka-arah kebahagiaan tersebut saperti firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Nahl ayat 97 yang bermaksud :

"Barang siapa yang mengerjakan perbuatan yang baik samada lelaki dan perempuan sedang dia beriman, neschaya kami (Allah) akan hidupkan dia dalam kehidupan yang bahagia dan neschaya kami (Allah) akan berikan kapada mereka balasan sesuai dengan sa-baik2 pekerjaan yang mereka lakukan."

Dalam ayat tersebut, tambah beliau itu lagi, fasak kebahagiaan itu terletak kapada dua sharat, pertama iman dan kedua ia-lah amal saleh atau amal kebajikan. Maka jika kedua2 sharat tersebut terlaksana dalam kehidupan orang perseorangan neschaya ia akan beroleh kehidupan yang baik, dan jika sharat itu terlaksana dalam masharakat dan sa-buah negara maka masharakat dan negara tersebut akan beroleh kehidupan yang baik.

"Kehidupan yang baik itu sa-benar-nya ada-lah merupakan kebahagiaan yang kita hajati, idamkan, matalamatkan dan harapkan dalam kehidupan kita sa-hari2", jelas beliau sa-lanjut-nya.

Awang Haji Abd Saman dalam perutusan-nya, seterus-nya menjelaskan bahawa iman dan amal saleh ada-lah alat kehidupan yang menghidupkan dan mendorong sa-tiap orang bekerja sa-kuat2-nya bagi mengumpolkan sumber kehidupan yang sa-banyak mungkin.

"Belajar sa-tinggi2 yang boleh, bertani sa-kuat tenaga yang berupaya, berkhidmat sabisai2 yang terdaya, masharakat pula boleh membangun negara-nya sa-maju2 yang termampu dan demikian-lah semua pekerjaan di-suroh laksanakan sa-baik2-nya dan elakkan perkara yang merosakan usaha2 itu, dengan demikian akan terelak kechelakaan dan kesengsaraan", ujar beliau.

Orang perseorangan, masharakat dan negara yang memileki dorongan sa-rupa itu di-gandingi lagi oleh rohani yang kukoh, bersalut iman, akhlak yang tegoh bersapukan tauhid, kata Awang Haji Abd Saman lagi neschaya akan sampai juga pada kebahagiaan dunia dan akhirat.

Sempena malam Nuzul Al-Kor'an ini, kata-nya lagi, marilah kita sama2 membaharui kemahuan pada mempelajari dan memahami kandongan Al-Kor'an dengan rasa penoh iman dan takwa.




Jenis2 wang shiling khas yang akan di-jual mulai esok.

## Harapan MB kapada peniaga2:

# JANGAN NAIKAN HARGA BARANG2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin menyeru ahli2 perniagaan supaya tidak akan mengambil kesempatan untok menaikkan harga barang2 dan upah2 perkhidmatan berikutan dengan perubahan2 dan kenaikan2 gaji pegawai2 dan kakitangan Kerajaan.

Dalam sabda-nya, Yang Amat Mulia memohon kapada mereka supaya perubahan2 dan kenaikan2 gaji itu tidak akan di-gunakan sa-bagai alasan pada menaikkan harga barang2 dan upah2 perkhidmatan.

Yang Amat Mulia menyedari bahawa ahli2 perniagaan dalam perengkat apa jua pun sangat2 memerlukan keuntongan, tetapi biar-lah dalam mendapatkan keuntongan itu bukan di-buat ka-atas pegawai2 dan kakitangan Kerajaan.

Yang Amat Berhormat Menter Besar juga berharap agar ahli2 perniagaan akan sama2 menimbulkan perasaan bertanggong-jawab pada memberikan peluang supaya pegawai2 dan kakitangan2 yang menerima perubahan2 dan kenaikan gaji akan dapat menekmati sa-penoh-nya.

"Dengan jalan ini tidak akan timbul perasaan2 yang menudoh ahli2 perniagaan sabagai "opportunists" kerana tudohan2 saperti itu boleh membawa kapada perasaan yang lebeh rumit yang mana boleh menjejaskan keharmonian masharakat kita am-nya", tegas Yang Amat Mulia itu.

Yang Amat Mulia bersabda, Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sekarang meneliti chara2 yang lebeh berkesan untok menchegah dan menstabilkan harga barang2 di-mana Yang Amat Mulia berharap usaha2 yang di-jalankan itu apabila di-laksanakan nanti akan mendapat sambutan yang baik dari seluroh masharakat yang berkenaan.

### Dari muka 1

an ini tidak di-berikan kapada pegawai2 dalam Bahagian I ka-atas.

Mengenai dengan kadar peratus perubahan gaji bagi satu2 bahagian itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah tidak menyebutkannya, tetapi bersabda bahawa saperti yang sudah2, surat2 keliling yang membabit tiap2 perkara akan di-keluarkan segera.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi bayangan bahawa perubahan itu pada keselurohan-nya akan membawakan lebeh banyak lagi kemudahan2 serta keistimewaan2 kapada seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan samada yang sedang berkhidmat ataupun sedang menekmati penchen.

Bagaimana pun, Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyabdakan kadar kenaikan penchen tua ia-itu dari $37.50 kapada $50.00 sa-bulan.

Mengenai dengan proses pembayaran berikutan dengan perubahan itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersabda bahawa ia-nya akan di-laksanakan dengan sa-berapa segera yang boleh ia-itu sa-jauh mana proses pembayaran itu dengan sachepat2-nya dapat di-laksanakan.

(Pengumoman YAB Menteri Besar sepenoh-nya disiarkan di-muka 4).

### Dari muka 1

sama2 dengan seluroh pegawai dan kakitangan Kerajaan mendo'akan semoga Allah akan sentiasa mengorniakan keadaan sehat wal-afiat serta lanjut usia dan sentiasa dalam keimanan kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia, kekal karal memerentah di-atas Takhta Singgahsana Kerajaan Negeri Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Putera dan Puteri2 Baginda, Paduka Ayahanda Baginda Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, adinda2 Baginda dan ahli2 Kerabat Diraja.

# Wang2 shiling khas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Matawang Brunei akan mengeluarkan tiga jenis wang shiling khas bagi memperingati tahun Hijrah 1400.

Pengerusi Lembaga Matawang Brunei, Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee mengumomkan bahawa logam2 itu ia-lah jenis Emas Peruf dengan nilai muka $750; Perak Peruf dengan nilai muka $50.00 dan Cupro-nickel yang tidak di-peredarkan dengan nilai muka $5.00.

Kata-nya, wang shiling Emas Peruf akan di-jual kapada orang ramai dengan harga $1,000 sa-keping; Perak Peruf dengan harga $110.00 sa-keping sementara Cupro-nickel akan di-jual dengan harga $5.00 sa-keping.

Menurut beliau Lembaga Matawang Brunei hanya membuat 1,000 keping wang shiling Emas Peruf; 3,000 keping wang shiling Perak Peruf dan 10,000 keping wang shiling jenis Cupro-nickel.

Y.B. Pehin Dato Laila Utama Awang John Lee berkata, walau pun wang2 shiling tersebut sah di-perlakukan di-dalam Negeri Brunei, ia-nya tidak akan di-peredarkan untok orang ramai kerana pengeluaran itu khas di-maksudkan untok para pemungut2.

Tiap2 jenis wang shiling emas dan perak di-muatkan dalam satu kotak hadiah yang juga mengandongi satu sijil pengeluaran yang bernombor sementara wang2 shiling cupronickel pula di-muat dalam sampul plastik.

Wang2 shiling tersebut akan mula di-jual kapada orang ramai mulai esok, 31hb Julai.

Wang2 shiling emas dan perak boleh di-dapati hanya dari Pejabat Lembaga Matawang Brunei, Bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan pada tiap2 hari waktu bekerja mulai jam 8.30 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 1.30 petang hingga 3.30 petang.

Wang2 shiling cupronickel pula boleh di-beli samada dari Pejabat Lembaga Matawang Brunei atau dari mana2 Pejabat Pos di-seluroh negeri.

# Penghormatan kapada SMSB

### Dari muka 1

Dan Kakanda Tuan Peramba, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah merasmikan pembukaan Seria Terminal, Kilang Gas Asli di-Lumut dan pada tahun lalu Baginda telah berchemarduli merasmikan pembukaan padang Champion dan menamakan pelantar terbaharu sharikat itu 'Tenaga'," jelas Awang Everett.

Sa-lepas YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir melaksanakan upachara meletakan batu asas itu, Yang Teramat Mulia serta lain2 jemputan khas telah di-bawa untok melihat rekabentok bangunan yang sedang dalam proses pembenaan itu.

Turut hadhir di-upachara tersebut termasok-lah Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Besar, YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Peguam Negara, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pg Bahrin; Ahli2 Yang Berhormat; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Pg Idriss dan lain2 pegawai kanan Kerajaan dan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.